

BAB 11

KESALAHAN-KESALAHAN YANG DIKENAKAN HUKUMAN SEBAT MENURUT HUKUM ISLAM DAN UNDANG-UNDANG JENAYAH DI MALAYSIA

BAB 11

KESALAHAN-KESALAHAN YANG DIKENAKAN HUKUMAN SEBAT MENURUT HUKUM ISLAM DAN UNDANG-UNDANG JENAYAH DI MALAYSIA

2.1 JENIS KESALAHAN YANG BOLEH DIKENAKAN SEBAT MENURUT HUKUM ISLAM

Dalam undang-undang jenayah Islam hukuman sebat merupakan hukuman bagi kesalahan-kesalahan jenayah yang tertentu. Hukuman ini terdapat dalam dua bentuk iaitu yang bersifat mandatori dan yang bersifat bukan mandatori. Sebat sebagai hukuman mandatori terdapat dalam beberapa kesalahan yang tertakluk kepada kesalahan hudud. Bagi kategori ini bilangan sebatan adalah tertakluk kepada peruntukan yang telah ditetapkan melalui nas samada al-Quran atau pun al-Sunnah. Kesalahan-kesalahan tersebut ialah kesalahan zina bagi yang bukan muhsan, qadhaf (tuduhan melakukan zina) dan minum arak. Kesalahan minum arak dimasukkan di sini kerana sebat merupakan hukuman yang telah ditetapkan oleh al-Sunnah walaupun terdapat perselisihan pendapat di kalangan fukaha tentang bilangan sebatan yang harus dikenakan seperti yang telah dibincangkan pada bab yang pertama.

Selain daripada kesalahan hudud, undang-undang Islam juga menerima pakai hukuman sebat dalam kesalahan-kesalahan takzir. Kedudukan hukuman ini dalam kes-kes takzir lebih fleksibel. Ianya bergantung kepada perkiraan budi bicara pihak pemerintah untuk menentukan hukuman tersebut bagi mana-mana kesalahan selain daripada hudud dan *qiṣāṣ* yang difikirkan sesuai dan perlu. Oleh itu hukuman sebat di bawah kesalahan takzir bergantung kepada sejauh mana sesuatu jenayah yang dilakukan itu membawa kemudarat kepada awam,

punca-punca yang boleh mengheret seseorang melakukan zina. Lantaran itu ia juga dianggap salah dan boleh dikenakan takzir.¹

Undang-undang Islam merupakan satu-satunya sistem yang tidak menjadikan kerelaan antara lelaki dan perempuan untuk melakukan zina sebagai faktor penghalang hukuman ke atas mereka. Sebaliknya sistem itu terdapat dalam undang-undang barat sejak sekian lama. Sedangkan hakikatnya hukuman kepada penzina juga turut terdapat dalam ajaran agama-agama lain cuma undang-undang tersebut tidak diperaktikkan.²

2.1.1.1 Definisi Zina

Fukaha mazhab Maliki mentakrifkan zina sebagai persetubuhan yang dilakukan dengan sengaja oleh seseorang yang mukallaf pada faraj anak Adam tanpa melalui nikah yang sah serta tiada hak pemilikan.³ Fukaha mazhab Hanafi mentakrifkannya sebagai persetubuhan antara lelaki dan perempuan yang masih hidup dan memberahikan dalam keadaan mampu membuat pilihan, di dalam negara Islam oleh mereka yang terikat dengan hukum-hukum Islam, tanpa adanya nikah dan hak milik sebenar atau pemilikan samar (*syubhat al-milk*).⁴ Menurut Dr. Wahbah al-Zuhayli, hak milik sebenar ialah seperti pemilikan hamba oleh tuannya, manakala hak milik samar ialah seperti hak seorang bapa ke atas

¹ Abd al-Karim Zaydān (Dr.) (1997), *al-Mufaṣṣol fī Āḥkām al-Mar'ah wa al-Bayt al-Muslim*, jilid 5. Beirut : Mu'assasah al-Risalah, hal.29

² Muhammed Salim el-'Awwa (Dr) (1983), *Fī Uṣūl al-Niẓām al-Jinā'i al-Islāmiyy Dirāsāt Muqāraṇah*, cetakan kedua. Kaherah : Dar al-Ma'arif, hal. 227

³ Ibn Rusyd (1997). *Bidāyat al-Mujtahid wa Nihāyat al-Muqtashid*, jilid 2. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, hal. 324 :

⁴ Ibn al-Humām (1970), *Syarḥ Fāṭḥ al-Qadīr*, jilid 5. Mesir: Maktabah wa Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābiyy al-Halabiyy, hal. 247 . Lihat juga dalam al-Kāsāni (1998), *Badā'i' al-Šanā'i'*, jilid 9. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, hal. 178

anaknya sendiri termasuklah harta dan juga hamba perempuan anaknya. Ini berdasarkan keterangan sebuah Hadith nabi yang bermaksud “*Kamu dan juga harta kamu adalah hak bapa kamu*”.⁵ Imam al-Ramly dari mazhab al-Syāfi‘ī mendefinisikan zina sebagai perbuatan memasukkan zakar ke dalam faraj secara haram tanpa sebarang syubhat.⁶ Manakala fukaha mazhab Ḥanbalī mendefinisikan zina sebagai perbuatan keji (al-fāḥiyah) samada berlaku pada qubul atau dubur.⁷

Daripada takrifan-takrifan di atas dapat dilihat bahawa walaupun fukaha memberikan berbagai takrif bagi perbuatan zina, tetapi secara umumnya dapat disimpulkan bahawa zina ialah persetubuhan haram yang dilakukan dengan penuh sedar dan sengaja oleh seseorang yang mukallaf.⁸ Takrifan-takrifan tersebut juga menunjukkan bahawa terdapat beberapa elemen penting bagi mewujudkan kesalahan zina iaitu persetubuhan yang diharamkan, sengaja melakukan persetubuhan yang diharamkan samada pada qubul atau dubur, penzina terikat dengan hukum Islam, pelakunya ialah orang yang mempunyai kelayakan di sisi hukum syarak dan tiada unsur kesamaran dalam persetubuhan yang dilakukan.

⁵ Ibn al-Humām, *op.cit.*, hal.255. Lihat juga dalam Wahbah al-Zuhaylī (1985), *al-Fiqh al-Islāmiyy Wa Adillatuh*, jilid 6. Damsyiq: Dār al-Fikr al-‘Arabiyy, hal.30

⁶ al-Ramly (1967), *Nihāyat al-Muhtāj ila Syarh al-Minhāj*, jilid 7, , Mesir: Maktabah wa Matba‘ah Muṣṭafā al-Halabiyy, hal.422. Lihat juga dalam al-Syirāziyy ,(1976), *al-Muhaḍhdhab*, juzuk 2, Mesir: Maktabah wa Matba‘ah Muṣṭafā al-Halabiyy, hal.340 dan Lihat juga dalam al-Dusūqī (tanpa tarikh), *Hāsiyah al-Dusūqī ‘alā al-Syarh al-Kabīr*, jilid 4. , Mesir: Penerbitan ‘Isā al-Bābiyy al-Halabiyy , hal.313

⁷ Ibn Qudāmah (tanpa tarikh), *al-Mughnī wa Yalīhi Syarh al-Kabīr*, jilid 10. Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabiyy , hal. 151

⁸ Abd al-Qādir ‘Awdah (1987), *al-Tasyrī‘ al-Jinā‘iyy al-Islāmiyy*, cetakan ke-9, jilid 2, Beirut: Mu’assasah al-Risālah, hal. 349

2.1.1.2 Hukuman Sebat Bagi Kesalahan Zina

Faktor pertama seseorang yang berzina boleh dikenakan sebat ialah berlakunya kemasukan zakar ke dalam faraj dengan sengaja sekurang-kurangnya kadar kepala zakar (*ḥasyafah*), walaupun tanpa keluar mani. Perbuatan tersebut dinamakan persetubuhan haram. Persetubuhan yang berlaku tanpa adanya pemilikan seperti keterikatan antara hamba dan tuannya juga dianggap zina dan boleh dikenakan sebat. Dalam masalah ini perbuatan memakai alas nipis yang tidak menghilangkan tujuan zina tidak menjadi pengecualian kepada jenayah zina. Dalam semua keadaan tadi selagi mana tiada halangan syarak maka hukumnya ialah sebat.⁹ Terkecuali daripada hukuman sebat ialah semua bentuk persetubuhan haram yang berlaku semasa wujud pemilikan. Contohnya ialah persetubuhan seorang lelaki dengan isterinya yang sedang dalam haidh, nifas, puasa atau ihram. Keadaan-keadaan ini walaupun hukumnya adalah haram tetapi tidak termasuk dalam kategori zina dan terkeluar daripada hukum *ḥadd*. Sebaliknya ia dikategorikan sebagai maksiat yang boleh dikenakan hukuman takzir atau kifārah.¹⁰

Satu aspek lagi yang perlu diambil kira sebelum boleh menjatuhkan hukuman sebat ke atas seseorang penzina ialah niat jahat iaitu melakukan zina dengan sengaja serta penuh sedar. Unsur ini terbentuk apabila seseorang lelaki itu mengetahui larangan syarak terhadap perbuatannya. Di samping itu beliau juga mestilah tahu perempuan yang disetubuh itu bukan merupakan isteri atau hamba

⁹ al-Ramli, *op.cit*, hal. 422, Ibn al-Hūmām,*op.cit*, hal. 246-247, Ibn Qudāmah,*op.cit*, hal. 151. Lihat juga dalam Ahmad Fathī al-Bahnāsī (Dr.)(1972), *al-Madkhal al-Fiqh al-Jinā'iy al-Islāmiyy*. Mesir: Dār al-Syūrūq , hal .54 dan lihat juga dalam 'Abd al-Qādir 'Awdah,*op.cit*, hal. 350

¹⁰ Ibn al-Hūmām, *op.cit*, hal.246-249. al-Kāṣānī, *op.cit*, hal. 189. Ibn Qudāmah, *op.cit*, hal. 183

perempuannya. Dalam erti kata yang lain tiada sebarang unsur syubhat pada perbuatan tersebut yang boleh menggugurkan hudud. Apabila kedua-dua lelaki dan perempuan tersebut menepati syarat-syarat ini sifat sengaja pada perbuatan mereka adalah sempurna. Dengan itu mereka boleh dikenakan hukuman sebat di atas kesalahan terbabit.¹¹ Sekiranya seseorang itu dapat menimbulkan keraguan dengan membangkitkan isu tidak sengaja serta dapat membuktikan bahawa alasannya itu benar, hukuman sebat tidak boleh dikenakan. Ini kerana hudud gugur apabila ada kesamaran.¹² Di sini kita dapat melihat bahawa hukuman hadd adalah suatu yang serius walau pun ia hanyalah sebahagian kecil dari hukum Islam. Ia tidak sama sekali boleh dipandang ringan atau diputuskan secara tidak teliti. Dalam sebuah hadith Rasulullah s.a.w bersabda:

إِذْرُوا الْحَدُودَ عَنِ الْمُسْلِمِينَ مَا إِسْتَطَعْتُمْ فَإِنْ كَانَ لَهُ مَخْرُجٌ فَلْخُلُوْسِهُ سَبِيلٌ فَإِنْ الْإِمَامُ أَنْ يُخْطِي فِي الْعَفْوِ خَيْرٌ مِّنْ أَنْ يُخْطِي فِي الْعَقْوَةِ¹³

Maksudnya:

“Elakkanlah (daripada menjatuhki hukuman *hadd*) daripada orang-orang Islam sedaya upaya kamu. Sekiranya mereka mempunyai jalan keluar maka bebaskanlah dia. Maka sesungguhnya adalah lebih baik seseorang pemerintah itu tersilap mengampunkan daripada tersilap menghukum”

Kejahilan tentang hukum syarak tidak boleh dijadikan dalihan tidak sengaja bagi mereka yang tinggal di dalam negara Islam . Namun demikian beberapa pengecualian bagi alasan ini telah dibuat oleh fukaha. Contohnya kejahilan boleh diterima sebagai hujjah bagi mereka yang baru memeluk agama Islam serta

¹¹ al-Kásáni, *op.cit*, hal.187. ¹² Abd al- Qádir 'Audah,*op.cit*, hal. 374

¹² al-Kásáni,*op.cit*, hal.181. al-Sýrázíyy,*op.cit*, hal. 343

¹³ al-Tirmidhi (2000), Sunan al-Tirmidhi, no. hadith 1389, jilid 1. Mesir: Thesaurus Islamicus, hal.391

tinggal di negara kafir. Begitu juga bagi mereka yang tinggal di kawasan pendalaman dan jauh daripada ulama.¹⁴

2.1.1.3 Sebat Sebagai ḥadd bagi Penzina Bukan Muḥṣan

Sebat sebagai hukuman ḥadd bagi kesalahan zina hanyalah bagi penzina yang bukan muḥṣan (ghayr muḥṣan) sahaja. Bagi penzina yang muḥṣan hukumannya ialah rejam sampai mati. Secara umumnya muḥṣan ialah seseorang yang telah melakukan persetubuhan di dalam nikah yang sah. Seseorang yang bukan muḥṣan pula ialah mereka yang belum pernah bersetubuh di dalam nikah yang sah.¹⁵

Ihsan dari segi bahasa bermaksud menegah (المنع). Ini berdasarkan firman Allah Ta'ala dalam surah al-Anbiyā' 17 :80 :

لِتُحْصِنَكُم مِّنْ بَأْسِكُمْ

Maksudnya :

“Untuk menghalang kamu dari perbuatan jahat musuh”

Menurut al-Šabūni, perbuatan jahat itu ialah perbuatan jahat musuh ketika dalam perperangan.¹⁶ Dari segi syarak perkataan ini digunakan dengan berbagai maksud. Antaranya ialah nikah. Penggunaanya dengan makna ini dapat dilihat dalam ayat surah al-Nisā' 4:24 :

وَالْمُحْصَنَاتِ مِنَ النِّسَاءِ الْأُمَّا مَلَكَتْ أَيْمَانَكُمْ

Maksudnya:

“Dan diharamkan juga kamu mengahwini wanita-wanita yang bersuami kecuali budak-budak yang kamu miliki.”

¹⁴ Ibn Qudāmah, *op.cit*, hal.120-121, al-Syirāziyy, *ibid*, 'Abd al Qādir 'Awdah, *op.cit*, hal.358

¹⁵ Ibn Qudāmah, *ibid*.

¹⁶ Muhammad 'Ali al-Sabūni (1981), *Ṣafwat al-Tafsīr*, jilid 2. Beirut: Dār al-Qur'ān , hal. 280

Selain itu kalimah *ihsan* juga digunakan dengan maksud ‘iffah iaitu memelihara diri daripada perbuatan yang jahat.¹⁷ Ini terdapat dalam surah al-Nūr 24 :4 di mana Allah Ta’ala berfirman :

وَالَّذِينَ يَرْمَأُونَ الْمُحْصَنَاتِ

Maksudnya :

“Dan orang-orang yang menuduh wanita-wanita yang baik berbuat zina”

Seterusnya perkataan ini digunakan juga dengan maksud wanita-wanita yang baik contohnya dalam surah al-Taḥrīm 66:12 :

وَمَرِيمٌ ابْنَتَ عِمْرَانَ الَّتِي أَحْصَنَتْ فَرِجَاهَا

Maksudnya:

“Dan Maryam yang telah kami pelihara kesuciannya”

Kesemua penggunaan perkataan *ihsan* di sini memberi maksud al-*afāif* iaitu mereka yang memelihara kehormatan diri. Di samping itu perkataan *ihsan* juga sering digunakan dengan maksud merdeka (al-hurriyyah). Contohnya dalam surah al-Nisā’ 4 :25 Allah Ta’ala berfirman :

مَنْ لَمْ يُسْتَطِعْ مِنْكُمْ طَوْلًا أَنْ يَنْكِحَ الْمُحْصَنَاتِ

Maksudnya :

“Maka sesiapa dikalangan kamu yang tidak mampu untuk mengahwini wanita-wanita merdeka...”

¹⁷ Ibn Kathir (1987), *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm*, jilid 3. Beirut: Dār al-Ma’rifah, hal.275

Penggunaan lafaz ini disini bermaksud wanita-wanita yang merdeka. Akhir sekali perkataan ini digunakan dengan makna Islam. Contohnya ialah dalam surah al-Nisā' ayat yang sama Allah Ta'ala berfirman :

فَإِذَا أَحْصَنْتُمْ فَإِنَّ أَتِينَ بِفَاحِشَةٍ فَعَلَيْهِنَ نِصْفُ
مَا عَلَى الْمُحْسِنَاتِ مِنْ أَعْذَابٍ

Maksudnya :

“Maka apabila mereka telah berkahwin kemudian melakukan perkara keji, maka bagi mereka separuh daripada seksaan orang yang merdeka”

Menurut Ibn Mas'ūd, penggunaan perkataan ihsan di sini memberi maksud wanita yang berpegang dengan akidah Islam.¹⁸ Pengertian seumpama ini turut digunakan oleh jumhur fukaha yang berpendapat bahawa hukuman bagi hamba ialah separuh daripada orang merdeka.¹⁹ Kedudukan status samada muhsan atau sebaliknya tidak boleh dianggap perkara remeh dalam undang-undang jenayah Islam kerana ia mengakibatkan kesan hukuman yang sangat berbeza sama sekali. Lantaran itu fukaha cuba meletakkan beberapa syarat penting bagi kategori muhsan iaitu seseorang yang telah berkahwin serta melakukan persetubuhan melalui akad perkahwinan yang sah. Menurut Ibn Qudāmah persetubuhan tersebut mestilah berlaku pada qubul. Sekiranya berlaku akad perkahwinan, tanpa persetubuhan pada qubul, ia tidak menjadikan seseorang itu muhsan. Persetubuhan itu juga mestilah benar-benar berlaku mencukupi syarat yang ditetapkan.²⁰ Dalam konteks ini seseorang itu dianggap muhsan selama-lamanya walaupun salah

¹⁸ Hilālī 'Abd Allāh Ahmad (Dr.), (1990), *Uṣūl al-Tasyrī'* al-Jinā'yy al-Islāmiyy. Kaherah: Dār al-Nahdah al-'Arabiyyah, hal: 70

¹⁹ Muhammad 'Alī al-Šabūnī (1981), *Mukhtaṣar Tafsīr Ibn Kathīr*, jilid 1. Beirut: Dār al-Qur'ān al-Karīm, hal.376-377

²⁰ Ibn Qudāmah, *op.cit.*, hal. 120-121

seorang daripada mereka telah meninggal dunia atau pasangan tersebut telah bercerai.²¹ Menurut kebanyakan fukaha , pernikahan yang sah ialah yang memenuhi segala keperluan rukun-rukun dan syaratnya. Namun demikian terdapat pandangan yang diketengahkan oleh Abū Thawr, al-Layth dan al-Awzā'i bahawa persetubuhan melalui pernikahan fasid mencukupi syarat ihsan . Satu pendapat lain dikemukakan oleh Muhammad Rashid Redha dalam *Tafsir al-Manār* bahawa ihsan melalui perkahwinan hanya wujud semasa masih dalam perkahwinan. Apabila berlaku kematian atau perceraian, mereka tidak lagi menjadi ihsan.²² Pandangan ini hampir sama dengan pandangan Imām Muhammad Abū Zahrah bahawa tiada nas yang jelas menyebut perempuan yang diceraikan atau lelaki yang kematian isteri sebagai muḥṣan.²³

Syarat ihsan yang seterusnya ialah kemerdekaan diri. Menurut fukaha, lelaki dan wanita hamba tidak digelar muḥṣan. Menurut kebanyakan fukaha, lelaki dan wanita hamba tidak digelar muḥṣan. Namun Abū Thawr berpendapat merdeka bukanlah syarat ihsan. Oleh itu hamba yang telah bersetubuh melalui akad yang sah juga dianggap muḥṣan. Imam al-Awzā'i pula meriwayatkan bahawa lelaki hamba yang muḥṣan berzina dengan perempuan yang merdeka akan dihukum rejam manakala sekiranya dia melakukan zina dengan perempuan hamba tidak dihukum rejam. Menurut kebanyakan fukaha pandangan ini agak bertentangan dengan nas al-Quran yang mengkhususkan hukuman bagi hamba adalah separuh bagi orang merdeka. Sekiranya merdeka bukan syarat muḥṣan maka hukuman bagi hamba yang muḥṣan ialah rejam sampai mati. Oleh itu adalah mustahil

²¹ Sa'diyy Jalabiyy, *Hāsyiyah'Sa'diyy Jalabiyy 'ala Hāmisy Fātḥ al-Qādir*, jilid 4, hal .133, lihat juga dalam el-'Awwa, *op.cit.* hal.210

²² Muhammad Rasyid Redha, *Tafsir al-Manār*, Tempat :? Tanpa Tarikh, jilid 5, hal.25

²³ Muhammad Abū Zahrah (t.t), *al-'Uqūbah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi, hal.101

untuk di bahagikan hukuman mati.²⁴ Jelas di sini pendapat pertama lebih praktikal lebih-lebih lagi ia disandarkan kepada sebuah Hadith riwayat Abū Hurayrah r.'a yang bermaksud:

RasulLah bersabda: “Apabila RasulLah s.'a.w bersabda :“ Apabila seorang hamba perempuan milik salah seorang daripada kamu berzina dan telah terbukti, maka hukumlah dia dengan merotannya dan janganlah kamu memakinya. Jika dia mengulanginya lagi perbuatan zina itu,maka rotanlah dia dan janganlah kamu memakinya. Dan jika dia mengulanginya lagi untuk kali yang ketiga dan terbukti, juallah dia walaupun dengan harga sehelai rambut.”²⁵

Selain daripada itu sebahagian fukaha turut meletakkan syarat berakal dan cukup umur sebagai syarat muḥṣan. Dengan itu pasangan yang melakukan persetubuhan melalui perkahwinan yang sah semasa mereka sudah akil baligh sahaja dianggap muḥṣan. Fukaha mazhab Ḥanafī dan Ḥanbali mensyaratkan mesti wujud kesempurnaan bagi kedua-dua pasangan semasa melakukan persetubuhan. Maksud kesempurnaan bagi mereka ialah akil baligh serta merdeka. Tanpa memenuhi syarat ini hukuman bagi mereka hanyalah sebat sebagai *hadd*. Manakala fukaha mazhab Maliki berpendapat cukup dengan salah seorang dari mereka sahaja yang sempurna, kecuali kanak-kanak. Seterusnya Mazhab Syāfi'i meletakkan hukum muḥṣan kepada pihak yang cukup syarat kesempurnaan sahaja, dan hukum bukan muḥṣan kepada pihak yang tidak cukup syarat sempurna. Dengan itu mereka merejam yang sempurna dan menyebat yang tidak sempurna.²⁶

²⁴ al-Syirāzi, *op.cit*, hal.341

²⁵ al-Bukhari,Sahih al Bukhārī, bab jual beli, no. Hadith :2008, al-Muslim, Ṣahih Muslim, kitab hudud, no. hadith : 3215

²⁶ Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, hal.128, al-Syirāzi, *ibid*, al-Kāṣānī, *al-Bada'i'*, hal 196-197, Ibn Rusyd, *Bidayāt al-Mujtahid*, hal.637

Akhir sekali ialah syarat beragama Islam. Walau bagaimana pun syarat ini tidak disepakati di kalangan fukaha. Menurut mazhab Ḥanbalī, Syāfi'i serta dipersetujui oleh Abū Yusūf daripada mazhab Ḥanafī berpegang kepada akidah Islam tidak menjadi syarat *ihṣān* dalam kes kesalahan zina.²⁷ Pandangan ini disandarkan kepada sunnah nabi s.'a.w di mana baginda telah meghukum rejam dua orang Yahudi yang telah berzina. Manakala bagi mazhab Ḥanafī dan Mālikī tetap menjadikan Islam syarat *ihṣān* kerana RasululLah s.'a.w pernah mengatakan bahawa sesiapa yang mensyirikkan Allah, bukanlah seorang yang muḥṣan melainkan orang-orang kafir dhimmi di mana kebanyakan fukaha menganggap orang-orang kafir dhimmi sebagai muḥṣan dan dihukum rejam apabila melakukan zina. RasululLah s.'a.w pernah merejam dua orang Yahudi yang didapati bersalah melakukan zina. Kes tersebut adalah merupakan antara kes terawal hukuman rejam dilaksanakan.²⁸

2.1.1.4 Kesalahan Liwat

Bagi perbuatan liwat, ia tidak termasuk dalam zina menurut mazhab Ḥanafī dan mazhab Zāhiri. Mazhab Ḥanafī hanya mengkhususkan zina bagi persetubuhan melalui qubul sahaja. Beliau juga berpendapat kesan zina adalah berbeza berbanding liwat kerana zina memberi kesan kepada keturunan tetapi tidak bagi liwat. Pandangan yang sama dikemukakan dalam mazhab Zāhiri yang meletakkan hukuman bagi kesalahan liwat sebagai takzir.²⁹

²⁷ Ibn Qudāmah, *ibid*, hal.129, Ibn. al-Humām, *op.cit*, hal.238

²⁸ Ibn al-Humām, *ibid*, hal. 238-239, Ibn Taimiyyah, *al-Siyāsah al-Syar'iyyah Fī Islāhi al-Rā'iyy wa al-Ra'iyyah*, hal. 133

²⁹ al-Kāṣāni, *op.cit*, hal. 184-185, Ibn Hazm (tanpa tarikh ?), *al-Muḥalla*, jilid 1. Beirut: Dar al-Fikr, hal.38385 dan lihat juga dalam 'Abd al-Qādir 'Awda, *op.cit*, hal.351

Bagi mazhab Malikiⁱ, Syāfi'i dan Abū Yūsuf daripada mazhab Ḥanafī, hukuman bagi liwat adalah sama dengan hukuman bagi zina. Alasannya ialah kerana liwat juga salah satu bentuk persetubuhan haram.³⁰ Pandangan ini bersandarkan kepada beberapa potongan ayat al-Quran yang mensifatkan zina sama dengan liwat dalam menjelaskan keburukan amalan kaum Lüt. Di samping itu perbuatan keji (*fāhishah*) telah digunakan bagi kedua-dua bentuk perbuatan tersebut.³¹ Dalam mazhab Ḥanbalī terdapat dua riwayat daripada Imam Ahmad. Pertama berpendapat hukuman bagi kesalahan liwat ialah rejam sampai mati samada muḥṣan atau pun belum.³² Sandarannya ialah sebuah Hadith yang diriwayatkan oleh Ibn 'Abbās r.a:

مَنْ وَجَدَتْمَهُ يَعْمَلُ عَمَلَ قَوْمٍ نَّوْطٍ

فَاقْتُلُوا الْفَاعِلُ وَالْمُقْتَلُونَ بِهِ³³

Maksudnya :

"Sesiapa yang kamu dapati melakukan amalan kaum Lüt, maka bunuhlah yang melakukan dan yang dilakukan keatasnya"

Riwayat ke dua daripada Imam Ahmad ialah ḥadd bagi kesalahan liwat sama dengan ḥadd kesalah zina³⁴. Sehubungan dengan itu majoriti ulama berpendapat pesalah liwat yang bukan muḥṣan juga boleh dihukum dengan hukuman sebat sebagaimana hukuman dalam kesalahan zina kerana bagi mereka zina dan liwat kedua-duanya difaham dari Hadith nabi sebagai zina juga.

³⁰ al-Syarbini (1958), *Mughni al-Muhiṭāj*, jilid 4. Mesir: Maktabah wa Matba'ah Muṣṭafā al-Bābiyy al-Halabiyy, hal. 145, lihat juga dalam Ibn Qudāmah, *op.cit*, hal. 152, Ibn al-Humām, *op.cit*, hal.247-248

³¹ Lihat surah al-'Ankabūt 24 : 28, surah al-A'rāf 7: 81, Surah al-Nisā' 4:16

³² Ibn Qudāmah, *op.cit*, hal 175, al-Ramlī, *op.cit*, hal 424

³³ Ibn Majah (1985), Sunan Ibn Majah. Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi (penyusun), jilid 2,kتاب hudud : Hadith yang ke 2561. Tempat ?, Dār Ihya' al-Turāth al-'Arabiyy, hal. 856

³⁴ Ibn Qudāmah, *op.cit*, hal 175,-176

2.1.2 Kesalahan Qadhaf

Melakukan fitnah ke atas seseorang dengan melemparkan tuduhan zina adalah satu kesalahan berat di sisi Islam. Perbuatan tersebut merupakan satu daripada kesalahan-kesalahan yang tertakluk di bawah jenayah hudud. Membuat tuduhan zina memberi kesan negatif yang berpanjangan dari berbagai aspek seperti moral, spiritual dan juga kedudukan seseorang di mata masyarakat umum. Selain itu kesannya juga bukan hanya terhenti kepada mangsa tuduhan itu sahaja tetapi kaum keluarga dan keturunanya. Jenayah ini mencetuskan kekecohan dalam masyarakat. Lantaran itu Islam melarang keras dengan ancaman hudud kepada sesiapa yang melakukannya dan gagal membawa bukti menyokong dakwaaannya itu.

2.1.2.1 Definisi Qadhaf

Dari segi bahasa perkataan qadhaf bermaksud melempar seseorang dengan batu atau benda keras seumpamanya. Daripada pengertian inilah istilah qadhaf mula digunakan untuk maksud melemparkan tuduhan zina kepada seseorang yang beriman dan berakhhlak baik. Aspek persamaan yang didapati daripada dua pengertian ini ialah kesan kesakitan akibat terkena lontaran batu dijadikan analogi kepada kesan tuduhan zina ke atas seseorang iaitu seksaan, tekanan serta kesakitan jiwa yang teramat sangat kepada si mangsa. al-Šabūnī juga turut menukilkan daripada Ibñ Juzā satu pengertian qadhaf iaitu "perbuatan menuduh

melakukan persetubuhan haram pada qubul atau dubur, atau menafikan nasab sebelah bapa atau mempersendakan dengan perkara sedemikian".³⁵

2.1.2.2 Hukuman Sebat Bagi Kesalahan Qadhaf

Terdapat dua bentuk qadhaf dalam hukum Islam iaitu qadhaf yang dikenakan hadd dan qadhaf yang dikenakan takzir. Qadhaf yang dikenakan hadd sebat ialah sengaja membuat tuduhan zina terhadap orang yang muhsan serta menafikan nasab anak. Manakala qadhaf yang dikenakan hukuman takzir ialah membuat tuduhan maksiat selain daripada zina dan menafikan nasab tidak kira samada menuduh orang yang muhsan atau yang bukan muhsan.³⁶ Maksud membuat tuduhan dengan sengaja ialah apabila seseorang yang akil baligh membuat tuduhan dalam keadaan-keadaan tertentu, iaitu dia benar-benar tahu bahawa tuduhannya itu tidak benar dan dia juga gagal membawa saksi-saksi bagi membuktikan kebenaran tuduhannya.³⁷ Kaedah yang dipakai oleh syarak dalam masalah qadhaf ini ialah pihak yang membuat tuduhan atau sesuatu dakwaan terhadap orang lain, wajib membuktikan kebenaran dakwaannya itu. Membuat tuduhan tanpa membawa empat orang saksi untuk membuktikan kebenaran dakwaan itu bererti melakukan salah satu daripada kesalahan hudud. Jika sabit kesalahan boleh di hukum sebat sebanyak 80 kali. Sekiranya menuduh selain daripada zina maka hukumannya ialah takzir.³⁸

³⁵ Muhammad 'Ali al-Sabuni (1981), *op.cit*, hal.55

³⁶ Abd al-Qadir 'Awdah, *op.cit*, hal. 455

³⁷ Ibn Rusyd, *op.cit*, hal.645, al-Kasani,*ibid*, hal.217-221

³⁸ Abd al-Qadir 'Awdah, *op.cit*, hal. 455-456

Menafikan nasab seseorang juga boleh terjadi dengan membuat tuduhan zina kepada ibunya. Begitu juga apabila seseorang meletakkan nasab mangsanya kepada bukan bapanya atau datuknya. Situasi itu membentuk satu qadhab kepada ibu atau nenek mangsa.³⁹

Ada dua bentuk lafaz yang boleh membentuk qadhab iaitu ungkapan yang jelas dan yang kurang jelas. Lafaz yang jelas ialah yang hanya memberi makna zina dan tidak ada makna yang lain selain daripada itu. Lafaz yang ke dua ialah lafaz yang kurang jelas. Lafaz dalam bentuk ini terbit dari ungkapan yang memberi makna yang tidak tepat. Cuma lafaz tersebut memberi maksud antara lain bahawa tertuduh telah melakukan zina.⁴⁰ Jumhur fukaha berpendapat tidak dikenakan hadd qadhab kecuali tuduhan dibuat dengan lafaz yang memberi maksud melakukan zina secara tepat sahaja. Manakala mazhab Maliki berpegang kepada pendapat bahawa setiap tuduhan melakukan zina melalui sebarang bentuk ungkapan wajib dikenakan hadd.⁴¹

Menurut Dr. Muhammad Salim el-'Awwa, pendapat jumhur lebih sesuai kerana dari segi penggunaan bahasa Arab, bahasa yang terdapat dalam kitab al-Quran dianggap mempunyai kualiti yang paling tinggi. al-Quran juga kaya dengan penggunaan berbagai bahasa yang membezakan maksud sesuatu perkara dengan perkara yang lain samada menunjukkan sindiran, bayangan atau penjelasan. Lantaran itu sekiranya sesuatu lafaz qadhab itu kurang jelas maksud menuduh zina

³⁹ Ibn al-Humām, *op.cit*, hal. 332-334, Ibn Qudāmah, *op.cit*, hal.221-224, Al-Syīrāzī, *op.cit*, hal.349-350

⁴⁰ Muhammad Salim el-'Awwa (Dr.) (1999) , *Hukuman dalam Undang-Undang Islam : Satu Kajian Perbandingan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hal.31.

⁴¹ Ibn Rusyd, *op.cit*, hal. 646, Ibn al-Humām, *op.cit*, hal.317. Ibn Qudāmah, *op.cit*, hal.212

atau mengandungi tuduhan lain, walaupun tidak dikenakan hadd tetapi dikenakan takzir.⁴²

Tuduhan selain daripada zina tidak dikenakan hadd 80 kali sebat. Antara bentuk tuduhan selain zina ialah menuduh mencuri, menuduh kufur, minum arak, pecah amanah dan lain-lain. Dalam konteks ini hukuman yang akan dikenakan ialah takzir mengikut mana yang sesuai pada pandangan hakim. Hadd sebat bagi jenayah qadhaf juga jatuh kepada takzir apabila gagal memenuhi syarat-syarat hadd qadhaf.⁴³ Satu kaedah yang digunakan oleh fukaha dalam masalah qadhaf ialah setiap yang mewajibkan hadd zina kepada pelakunya, dikenakan hadd qadhaf kepada penuduhnya, begitulah sebaliknya. Walaupun mereka sepakat dalam menerima kaedah umum tersebut namun dari segi pelaksanaanya berlainan kerana kerana perbezaan pandangan mereka dalam perkara-perkara yang mewajibkan hadd zina. Bagi Abū Hanīfah, Syāfi'i dan Alḥmad, sekiranya bapa dan ke atas menuduh anak dan ke bawah melakukan zina tidak dikenakan hadd kerana terdapat unsur syubhat. Golongan ini berpendapat bapa tidak dikenakan hadd potong tangan atau qiṣāṣ apabila mencuri atau membunuh anaknya, maka tidak dikenakan hadd dalam kes qadhaf adalah lebih utama.⁴⁴ Fukaha mazhab Maliki terbahagi kepada dua pendapat. Satu golongan sependapat dengan jumhur fukaha. Manakala golongan yang ke dua, anak dan ke bawah berhak mendakwa bapa dan ke atas yang membuat qadhaf ke atas mereka. Alasannya ialah nas yang berkaitan dengan hukum qadhaf diturunkan dalam bentuk lafaz yang umum. Namun demikian golongan ini tetap melabelkan anak yang membuat dakwaan

⁴² Muḥammad Salīm el-‘Awīya (Dr.), *op.cit*, hal. 31

⁴³ ‘Abdul Qādir ‘Audah, *op.cit*, hal. 462

⁴⁴ Ibn Qudāmah, *op.cit*, hal.208, Ibn Rusyd, *op.cit*, hal.204, al-Kāṣānī,*op.cit*, hal. 221, ‘Abd al-Qādir ‘Awdah,*op.cit*, hal.495.

supaya dikenakan hadd kepada bapa dan ke atas tadi sebagai fasik kerana perbuatan tersebut melanggar perintah Allah supaya berbuat baik kepada ke dua ibubapa.⁴⁵

Bagi membolehkan seseorang penuduh dihukum dengan hukuman sebat sebanyak 80 kali, tuduhan tersebut mestilah ditujukan kepada orang-orang tertentu dengan jelas. Membuat tuduhan secara umum tidak termasuk dalam qadhab yang boleh dikenakan hukuman sebat kerana salah satu tujuan hukuman sebat ke atas orang yang melakukan qadhab ialah mempertahankan maruah dan membalaas keaiban yang ditanggung oleh mangsa qadhab. Dengan itu hukuman sebat tidak boleh dikenakan melainkan jelas mengenai siapakah mangsa qadhab tersebut.⁴⁶

Dari segi tempat semasa tuduhan itu diucapkan pula, Abū Hanīfah berpendapat ia mestilah di dalam negara Islam. Sekiranya berlaku di negara kafir tidak dikenakan hadd kerana tiada kuasa pemerintah untuk melaksanakan hukuman. Manakala jumhur pula berpendapat tetap dikenakan hadd ke atas penjenayah itu selagi dia terikat dengan hukum-hukum Islam.⁴⁷

Syarat yang bagi membolehkan hukuman sebat dijatuhi bagi kesalahan qadhab ialah mangsa tuduhan itu sendiri mestilah seorang yang bersifat muhsan. Menurut fukaha, muhsan dalam konteks qadhab bermaksud seseorang yang mempunyai sifat ‘iffah iaitu sentiasa memelihara kehormatan diri dari perkara-perkara keji. Manakala sebahagian fukaha yang lain meletakkan juga kemerdekaan diri mangsa

:

⁴⁵ • Abd al-Qadir ‘Awdah , *ibid.*

⁴⁶ al-Kāṣāni, *ibid.*, hal.220, al-Syīrāzī,*op.cit*, hal. 293

⁴⁷ al-Kāṣāni, *ibid.*, hal.229, ‘Abd al-Qadir ‘Awdah, *op.cit*, hal.471

sebagai syarat muhsan bagi qadhab.⁴⁸ Selain daripada itu fukaha juga membincangkan apakah cukup umur menjadi syarat *ihsan* bagi masalah qadhab atau tidak? Imam al-Syāfi'i dan Imam Abū Hanīfah meletakkan cukup umur sebagai syarat ihsan bagi mangsa qadhab. Manakala Imam Mālik tidak meletakkan cukup umur sebagai syarat ihsan bagi perempuan yang tuduhan. Oleh itu selama mana dikira seseorang perempuan itu sudah mampu disetubuhi, maka dikenakan ḥadd qadhab kepada penuduhnya. Ini kerana tuduhan zina sudah boleh mengaibkannya. Dalam mazhab Ḥanbalī terdapat dua riwayat daripada Imam Ahmad. Satu riwayat meletakkan syarat cukup umur bagi mangsa qadhab. Riwayat yang ke dua pula tidak mensyaratkan baligh, cuma sekiranya mangsa itu samada lelaki atau pun perempuan, dia adalah seorang yang sudah boleh disetubuhi atau boleh melakukan persetubuhan walaupun belum cukup umur . maka orang yang melemparkan tuduhan kepada mereka hendaklah dikenakan ḥadd. Golongan ini bagaimana pun telah cuba meletakkan umur minima bagi mangsa tuduhan iaitu 10 tahun bagi lelaki dan 7 tahun bagi perempuan.⁴⁹

Syarat ihsan pada mangsa qadhab dikira sebelum berlaku qadhab hingga hal semasa hendak melaksanakan ḥadd bagi pendapat jumhur fukaha. Jika sebelum hukuman dilaksanakan mangsa didapati gila atau melakukan zina, hukuman ḥadd kepada penuduh gugur dengan sendirinya. Imam Ahmad pula berpendapat ḥadd tetap dikenakan kerana ihsan hanya menjadi syarat ḥadd semasa tuduhan dilakukan, bukan selepasnya. Sekiranya mangsa qadhab tidak memiliki syarat-syarat ihsan

⁴⁸ Muhammad 'Ali al-Ṣābūnī, *op.cit*, hal. 61-63

⁴⁹ al-Syīrāzī, *op.cit*, hal. 348, Ibn al-Hūmān, *op.cit*, Hal. 317, Ibn Rusyd, *op.cit*, hal. 645, Ibn Qudāmah, *op.cit*, hal. 211 .

yang sempurna, penuduh tidak dikenakan hadd tetapi masih boleh dikenakan hukuman takzir.⁵⁰

2.1.3 Kesalahan Minum Arak (Syurb)

Meminum arak merupakan satu kesalahan di sisi undang-undang jenayah Islam. Islam melarang keras perbuatan tersebut dan menganggapnya sebagai ibu kepada segala kejahanan. Ia mendatangkan banyak kesan buruk dari segi kesihatan mental, fizikal serta kesan-kesan buruk dari aspek sosial.⁵¹

2.1.3.1 Definisi Minum Arak

Fukaha mazhab Maliki, Syafi'i dan Hanbali memberikan definisi yang sama terhadap kesalahan minum arak. Kesalahan itu ditarifkan sebagai meminum cecair yang memabukkan samada dinamakan *khamr* atau tidak, berasal dari perahan anggur atau lain-lain sumber dan samada ia boleh memabukkan dengan kadar yang sikit atau dengan kadar yang banyak.⁵² Berlainan dengan Imam Abū Hanīfah di mana menghadkan jenayah minum arak kepada meminum *khamr* semata-mata. Istilah *khamr* bagi mazhab Hanafi ditujukan kepada tiga jenis cecair iaitu :

- i. Air anggur yang membuih samada dimasukkan kepala susu atau tidak

⁵⁰ Ibn Qudāmah, *ibid*, hal. 212; al-Kasanī, *op.cit*, hal. 218; 'Abd al-Qādir 'Awdaḥ, *op.cit* hal. 477

⁵¹ 'Abd al-Qādir 'Awdaḥ, *ibid*, hal. 497

⁵² al-Syarbīnī al-Khatīb (1958). *Muğhnī al-Muhtāj*, jilid 4. Mesir: Maktabah Muṣṭafā al-Halabī wa Awdāḥū, hal. 186-187, Ibn Rusyd, *op.cit*, hal. 649; Ibn Qudāmah, *op.cit*, hal. 326

- ii. Air anggur yang dimasak apabila berkurangan kadarnya tidak melebihi dua pertiga kadar asal serta menjadi bahan yang memabukkan.
- iii. Air tamar dan anggur kering yang ditakung apabila ia naik membuih samada dimasukkan kepala susu atau tidak.⁵³

Berdasarkan takrifan tersebut terdapat perbeaan antara mazhab Ḥanafī dan jumhur fukaha dalam memahami maksud *khamr* yang diharamkan. Mazhab Ḥanafī menggunakan istilah *khamr* khusus untuk tiga jenis cecair yang disebutkan di atas sahaja. Manakala jumhur fukaha pula menggunakan perkataan *khamr* sebagai minuman yang memabukkan , bukan nama khusus kepada jenis-jenis yang disebutkan oleh mazhab Ḥanafī sahaja. Bagi jumhur fukaha, *khamr* ialah semua jenis minuman yang memabukkan samada dinamakan *khamr* atau lain-lain nama.

2.1.3.2 Hukuman Sebat Bagi Kesalahan Minum Arak

Bagi kesalahan minum arak hukuman sebat boleh dikenakan apabila seseorang itu terbukti telah meminum arak dan perbuatan itu dilakukan dengan sengaja walaupun dia memahami bahawa minuman tersebut ialah arak yang diharamkan bagi sebagai seorang Islam. Perbuatan meminum itu juga dilakukan dengan pilihan sendiri, bukan kerana darurat atau dipaksa.⁵⁴ Kejahilan juga boleh menggugurkan *hadd* minum arak. Walau bagaimanapun alasan ini hanya boleh diterima bagi orang-orang tertentu sahaja. Mereka ialah orang yang tinggal bukan dalam negara Islam serta orang yang baru memeluk Islam dan tidak tahu tentang

⁵³ al-Kāṣānī, *op.cit*, hal.213-214

⁵⁴ al-Syirāzī, *op.cit*, hal. 367, Ibn Qudāmah, *op.cit*, hal. 326-330, al-Ramli, *op.cit*, jilid 8, hal.12-13

hukum haram arak. Mengenai kejahilan, fukaha berpendapat hanya kejahilan tentang hukum haram sahaja yang boleh menggugurkan hadd, sebaliknya kejahilan tentang hukuman tidak dapat menafikan unsur sengaja peminumnya.⁵⁵

Hukuman sebat juga tidak boleh dikenakan melainkan arak yang diminum tersebut adalah dalam bentuk cecair yang dimasukkan melalui mulut. Menghisap candu, dadah dan sebagainya tidak termasuk dalam kesalahan minum arak sebaliknya dihukum takzir.⁵⁶ Seterusnya syarat kesalahan minum arak yang boleh dikenakan hukuman sebat ialah memasukkan minuman tersebut ke dalam tekak walau pun tidak sampai lagi ke dalam perut. Arak yang diminum pula ialah arak yang sempurna kandungannya. Menurut jumhur fukaha jika berlaku percampuran antara arak dan air perlu dilihat dahulu, sekiranya kadar arak melebihi atau sama dengan kadar air, peminumnya akan dikenakan sebat. Jika kadar air melebihi kadar arak tidak dikenakan sebat kerana sifat arak itu sudah lenyap.⁵⁷ Menurut mazhab Malikiⁱ, percampuran dengan bahan-bahan lain tidak menghilangkan sifat arak yang diharamkan selagi asalnya ia memabukkan apabila diminum dengan kadar yang banyak, peminumnya tetap dikenakan hukuman sebat.⁵⁸

Dari segi kuantitinya, jumhur fukaha berpendapat kesalahan meminum arak tidak dikira kepada kuantiti banyak atau sedikit hukumnya tetap haram dan boleh dikenakan hukuman. Apabila terjadi mabuk dengan kadar yang banyak, minum

⁵⁵ al-Käsäni,*op.cit*, hal 213-215, al-Ramli, *ibid*, hal. 13, al-Muṭṭi (tanpa tarikh), *Kitāb Majmū' Syarḥ al-Muhadhdhab li al-Šyirāzī*, jilid 22. Jeddah: Maktabah al-Irsyad, hal. 287-293

⁵⁶ al-Ramli, *ibid*, hal.10, 'Abd al- Qādir 'Awda, *op.cit*, hal. 502

⁵⁷ Ahmad Fathi al-Bahnäsi, *op.cit*, hal.175-176, al-Käsäni,*op.cit* , hal.215

⁵⁸ Mat Saat Abdul Rahman, *op.cit*, hal. 121

dengan kadar yang sedikit serta tidak memabukkan juga menjadi haram.⁵⁹ Bagi mazhab Ḥanafī pula, hukuman sebat hanya boleh dikenakan bagi kesalahan meminum cecair dinamakan *khamr* sahaja seperti mana yang terdapat dalam definisi yang disebutkan sebelum ini. Meminum selain daripada *khamr* tidak dikenakan ḥadd sekalipun memabukkan.⁶⁰ Pendapat terbanyak dikalangan fukaha menyebut bahawa erti mabuk dalam konteks minum arak ialah apabila seseorang itu tidak tahu apa yang diucapkannya.⁶¹ Pandangan ini merujuk kepada firman Allah dalam surah al-Nisā' 4: 43 yang bermaksud :

"Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu menghampiri solat dalam keadaan mabuk, sehingga kamu mengetahui apa yang kamu perkatakan"

2.1.4 Kesalahan Takzir

Takzir menurut istilah syarak ialah pembalasan ke atas kesalahan maksiat yang tidak termasuk dalam hudud atau kifarah samada menyentuh hak Allah atau hak anak Adam.⁶² Secara otomatis definisi ini tidak lagi mengambil kira semua kesalahan yang telah ditetapkan hukumannya samada hudud ataupun qisas. Kesalahan-kesalahan yang tertakluk di bawah takzir merupakan bidangkuasa pemerintah untuk menetapkan hukumannya.⁶³ Hukuman sebat juga merupakan salah satu bentuk hukuman yang terdapat dalam kesalahan-kesalahan takzir. Sebatan bagi kesalahan takzir tiada bilangan yang tertentu. Namun demikian dalam menentukan hukuman sebat bagi kesalahan takzir beberapa garis panduan

⁵⁹ al-Syarbī, *op.cit*, Ibn. Rusyd , *op.cit*, Ibn. Qudāmah, *op.cit*, ‘Abd al-Qādir ‘Awda, *op.cit*, hal.501

⁶⁰ al-Kāṣānī, *op.cit* :

⁶¹ Wahbah al-Zuhaylī (Dr.), *op.cit*, hal. 149

⁶² Ibn. Qudāmah,*op.cit*, hal.347, al-Syarbī, *op.cit*, hal. 191

⁶³ Muhammad Salim el-Awwā’,*op.cit*, hal. 144

perlu dilihat antaranya ialah hukuman itu menepati tujuan pelaksanaannya serta melihat tahap keseriusan jenayah yang dilakukan.⁶⁴ Dalam masalah takzir hakim mempunyai kuasa penuh dalam mempertimbangkan apakah jenis hukuman yang sepatutnya dikenakan. Begitulah juga sekiranya hukuman sebat dijatuhi, hakim seharusnya mempunyai hak budi bicara berapa sebatan yang paling layak dikenakan. Berkenaan dengan bilangan sebatan yang dibolehkan bagi kesalahan takzir, perbincangan terperinci telah dibuat dalam bab yang pertama.⁶⁵ Daripada berbagai pendapat yang dikemukakan el-'Awwa telah mentarjihkan pandangan mazhab Maliki⁷ kerana lebih menepati maslahah semasa. Beliau juga mengambil kira ulasan Ibn Qayyim tentang Hadith yang melarang sebat lebih daripada 10 kali sebenarnya berkaitan dengan hubungan suami isteri , anak-anak serta hamba dan tuannya bagi tujuan memupuk disiplin yang baik.⁶⁶

2.2 KESALAHAN-KESALAHAN YANG BOLEH DIKENAKAN SEBAT DALAM UNDANG-UNDANG JENAYAH SIVIL DI MALAYSIA

Di Malaysia peruntukan hukuman sebat termaktub dalam beberapa statut antaranya ialah:

1. Jadual 3 : Kanun Keseksaan [Akta 574]

SEKSYEN	KESALAHAN	HUKUMAN
S324	Menyebabkan kocederaan dengan menggunakan senjata/ alat merbahaya	3 tahun penjara atau denda atau sebat atau mampara dua daripada seksaan-seksaan tersebut
S326	Menyebabkan cedera parah dengan menggunakan senjata atau benda-benda bahaya	Hukuman penjara yang boleh sampai 20 tahun serta tambahan denda atau sebat
S327	Sengaja menyebabkan cedera bagi tujuan pemerasan atau memaksa melakukan perbuatan yang menyalah undang	Hukuman penjara yang boleh sampai 10 tahun serta tambahan denda atau sebat
S329	Sengaja menyebabkan cedera parah bagi tujuan pemerasan atau memaksa melakukan perbuatan yang menyalah undang	Hukuman penjara yang boleh sampai 20 tahun dan tambahan denda atau sebat

⁶⁴ Abd al-Karim Zaydan (Dr.), *op.cit.jilid 5*, hal.457-458

⁶⁵ Supra, bab satu .hal. 24-26

⁶⁶ Muhammad Salim el-'Awwa,*op.cit.*, hal 161

“Jadual 3, sambungan”

S354	Menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah kepada seseorang dengan niat hendak mencabul kehormatan	Hendaklah diseka dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai 10 tahun, atau dengan denda atau dengan sebat
S356	Serangan atau kekerasan jenayah pada mencuba hendak mencuri harta yang ada dibawa oleh seseorang	Penjara selama tempoh yang boleh sampai dua tahun atau dengan denda atau dengan sebat atau dengan mana-mana dua daripada seksaan-seksaan itu
S364	Mencolek atau melarikan orang dengan tujuan hendak membunuh	Hukuman mati, atau penjara 20 tahun dan sebatan
S375 dan S376	Rogol dan Seksaan bagi rogol	Penjara tidak kurang daripada 5 tahun serta tidak lebih daripada 20 tahun dan bolehlah juga dikenakan sebat
S376A dan S376B	Sumbang mahram dan hukuman bagi kesalahan sumbang mahram	Penjara tidak kurang dari 6 tahun serta tidak lebih dari 20 tahun dan sebatan.
S377b	Melakukan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabi'i	Penjara yang boleh sampai 20 tahun dan bolehlah juga dikenakan sebatan
S377C	Melakukan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabi'i tanpa kerelahan dsb	Penjara tidak kurang dari lima tahun dan tidak lebih dari 20 tahun dan bolehlah juga dikenakan sebat
S377e	Merangsang seseorang kanak-kanak (di bawah umur 14 tahun) untuk melakukan perbuatan kelucuan melampau	Penjara yang boleh sampai lima tahun dan bolehlah juga dikenakan sebat
S379	Seksaan bagi kesalahan mencuri	Penjara yang boleh sampai 7 tahun atau denda atau kedua-duanya , dan bagi kesalahan kali ke dua atau yang kemudian bolehlah dikenakan penjara dan bolehlah juga dikenakan denda atau sebat
S380	Mencuri dalam rumah kediamaan dsb.	Penjara yang boleh sampai 10 tahun dan denda. Bagi kesalahan kali kedua dan seterusnya hendaklah diseka dengan penjara dan bolehlah juga dikenakan denda atau sebat
S382	Mencuri setelah dibuat persiapan bagi menyebabkan kematiian atau cedera dengan tujuan hendak melakukan kesalahan itu	Penjara selama tempoh yang boleh sampai 10 tahun dan juga bolehlah dikenakan denda atau sebat.
S384	Seksaan bagi pemerasan	Penjara selama tempoh yang boleh sampai 10 tahun atau denda, atau dengan sebat atau dengan mana-mana dua daripada seksaan-seksaan itu.
S385	Mendatangkan kepada seseorang ketakutan bencana dengan tujuan hendak melakukan pemerasan	Penjara yang boleh sampai 10 tahun atau dengan denda atau dengan sebat atau dengan dua daripada seksaan-seksaan tersebut
S386	Pemerasan dengan mendatangkan ketakutan pembunuhan atau cedera parah	Penjara yang boleh sampai 14 tahun dan bolehlah juga dikenakan denda atau sebat
S387	Mendatangkan kepada seseorang ketakutan pembunuhan atau cedera parah untuk melakukan pemerasan	Penjara yang boleh sampai tempoh 10 tahun dan bolehlah juga dikenakan denda atau sebat
S388	Pemerasan dengan jalan mengutuk hendak menuduh yang seseorang telah melakukan kesalahan yang boleh diseka dengan bunuh, atau penjara, dsb	Penjara selama tempoh yang boleh sampai 10 tahun dan bolehlah juga dikenaikan denda atau sebat. Jika diutuk dengan kesalahan di bawah seksyen 377, 377B dan 377C, boleh diseka dengan hukuman penjara yang boleh sampai 20 tahun
S389	Melakukan kesalahan kepada seseorang ketakutan dituduh kesalahan dengan tujuan hendak melakukan pemerasan	Penjara yang boleh sampai tempoh 10 tahun dan bolehlah juga dikenaikan denda atau sebat. Jika diutuk dengan kesalahan di bawah seksyen 377, 377b,dan 377c, boleh diseka dengan hukuman penjara yang boleh sampai 20 tahun
S392	Seksaan bagi kesalahan rompak	Penjara selama tempoh yang boleh sampai 10 tahun dan bolehlah juga dikenaikan denda. Jika rompak itu dilakukan antara tempoh matahari masuk dan matahari terbit, penjara itu boleh dilanjutkan hingga empat belas tahun dan bolehlah juga dikenakan denda atau sebat
S394	Dengan sengaja menyebabkan cedera pada melakukan rompak	Penjara yang boleh sampai 20 tahun dan bolehlah juga dikenakan denda atau sebat
S395	Seksaan bagi rompak -berkumpul	Penjara yang boleh sampai 20 tahun dan bolehlah juga dikenakan sebat
S396	Rompak berkumpul serta membunuh orang	Penjara yang boleh sampai 20 tahun dan bolehlah juga jika hukumannya bukan bunuh dikenaikan sebat
S397	Rompak dengan bersejuta atau rompak serta cuba menyebabkan kematiian atau cedera parah	Sebat, selain apa-apa seksaan yang ia boleh dikenaikan di bawah mana-mana lain seksyen Kanun ini
S399	Membut persiapan bagi melakukan rompak berkumpul	Penjara yang boleh sampai 10 tahun dan bolehlah juga dikenakan sebat
S400	Seksaan kerana menjadi seorang daripada kumpulan perompak	Penjara selama tempoh yang boleh sampai 20 tahun dan bolehlah juga dikenakan sebat

“Jadual 3, sambungan”

S401	Menjadi salah seorang daripada kumpulan pencuri-pencuri meraya	Boleh dikenakan hukuman penjara yang boleh sampai 7 tahun dan bolehlah dikenakan denda atau sebat
S402	Berhimpun bagi maksud hendak melakukan rompak berkumpul	Penjara yang boleh sampai 7 tahun dan bolehlah juga dikenakan denda atau sebat
S403	Menyalahgunakan harta dengan curang	Penjara selama tempoh tidak kurang dari enam bulan dan tidak lebih dari 5 tahun dan dengan sebat dan bolehlah juga dikenakan denda
S404	Dengan curangnya menyalahgunakan harta yang dimiliki oleh si mati pada waktu kematiannya	Penjara selama tempoh tidak kurang dari 6 bulan dan tidak lebih dari 5 tahun dan dengan sebat, dan bolehlah juga dikenakan denda
S406	Pecah amanah jenayah	Penjara selama tempoh tidak kurang dari 1 tahun dan dengan sebat dan bolehlah juga dikenakan denda
S407	Pecah amanah jenayah oleh pembawa dsb	Penjara selama tempoh tidak kurang dari 1 tahun dan tidak lebih dari 10 tahun dan dengan sebat dan bolehlah juga dikenakan denda
S408	Pecah amanah jenayah oleh kerani atau orang gaji	Penjara tidak kurang dari 1 tahun dan tidak lebih dari 10 tahun dan dengan sebat dan bolehlah juga dikenakan denda
S409	Pecah manah jenayah oleh penjawat awam atau ejen	Penjara tidak kurang dari 2 tahun dan tidak lebih dari 20 tahun dan dengan sebat dan bolehlah juga dikenakan denda
S420	Menipu dengan curangnya mendorong supaya harta diserahkan	Penjara selama tempoh tidak kurang dari 1 tahun dan tidak lebih dari 10 tahun dan dengan sebat dan bolehlah juga dikenakan denda
S430A	Khianat mengenai enjin, teren keretapi, dsb	Penjara selama tempoh yang boleh sampai 20 tahun dan bolehlah juga dikenakan denda atau sebat
S453	Pecah rumah	Penjara yang boleh sampai 2 tahun dan bolehlah juga dikenakan denda. Bagi kesalahan kali kedua atau kemudian hendaklah diseksa dengan penjara dan bolehlah juga dikenakan denda atau sebat
S454	Pecah rumah bagi maksud melakukan kesalahan yang boleh diseksa dengan penjara	Penjara yang boleh sampai 3 tahun dan bolehlah juga dikenakan denda. Jika bermaksud mencuri tempoh penjara boleh dilanjutkan hingga 10 tahun. Bagi mana-mana kesalahan kali ke dua bolehlah dikenakan denda atau sebat
S455	Pecah rumah setelah persiapan dibuat bagi menyebabkan cedera pada seseorang	Penjara yang boleh sampai 10 tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda atau sebat
S456	Pecah rumah pada waktu malam	Penjara yang boleh sampai 3 tahun dan bolehlah dikenakan denda. Bagi kesalahan kali kedua bolehlah juga dikenakan denda atau sebat
S457	Pecah rumah waktu malam bagi maksud melakukan kesalahan yang boleh diseksa dengan penjara	Penjara selama tempoh yang boleh sampai 5 tahun dan boleh dikenakan denda. Bagi bertujuan mencuri, penjara yang boleh sampai 14 tahun. Bagi kesalahan kali ke dua atau kemudian bolehlah dikenakan denda atau sebat
S458	Pecah rumah pada waktu malam setelah persiapan dibuat bagi mencederakan seseorang	Penjara selama tempoh yang boleh sampai 14 tahun dan bolehlah juga dikenakan denda atau sebat
S459	Menyebabkan cedera parah kepada seseorang kerana melakukan pecah rumah	Penjara yang boleh sampai 20 tahun dan bolehlah juga dikenakan denda atau sebat

Dalam Kanun ini terdapat 41 seksyen yang mengandungi peruntukan hukuman sebat. Hukuman sebat dalam sekyen-seksyen tersebut kebanyakannya merupakan hukuman tambahan kepada hukuman penjara , atau alternatif kepada hukuman denda. Ianya berkaitan dengan kesalahan tertentu seperti kesalahan mencederakan, menggunakan kekerasan jenayah untuk mencabul kehormatan,penculikan yang membawa kepada pembunuhan, kesalahan merogol,

kesalahan kegiatan seks luar tabi'i dengan haiwan, melakukan hubungan seks luar tabi'i, merangsang kanak-kanak melakukan kelucuanan melampau, mencuri, pemerasan, merompak, menyalahgunakan harta dengan curang, pecah amanah jenayah, menipu dengan curang, khianat terhadap enjin kendaraan, landasan keretapi dan lain-lain serta kesalahan pecah rumah.

Di bawah kesalahan-kesalahan tersebut didapati tidak banyak peruntukan yang menjadikan hukuman sebat sebagai hukuman utama atau hukuman asal di dalam Kanun Keseksaan kecuali satu seksyen sahaja iaitu seksyen 397 iaitu bagi kesalahan rompak dengan bersenjata atau merompak serta cuba menyebabkan kematian atau cedera parah. Selain itu seksyen-seksyen yang lain kebanyakannya menjadikan hukuman sebat sebagai hukuman kumulatif atau alternatif. Antara seksyen-seksyen tersebut ialah seksyen 326, seksyen 327 dan seksyen 329 bagi kesalahan berkaitan dengan mencederakan dan rompak. Seksyen 364 memperuntukkan sebat sebagai hukuman tambahan bagi penjara sekiranya hukuman mati tidak dikenakan bagi kesalahan menculik orang dengan niat hendak membunuh. Seksyen 375 dan 376 pula ialah bagi memperuntukkan hukuman sebat sebagai hukuman kumulatif dengan penjara bagi kesalahan merogol. Begitu juga dengan seksyen 376 A dan 376 B bagi kesalahan sumbang mahram. Seksyen 394 pula bagi kesalahan menyebabkan cedera dengan sengaja semasa melakukan rompakan, seksyen 401 bagi kesalahan menjadi salah seorang daripada kumpulan pencuri-pencuri yang merayau, seksyen 402 bagi kesalahan berhimpun untuk melakukan rompak berkumpul, seksyen 403 dan seksyen 404 bagi kesalahan menyalahgunakan harta dengan curang. Seksyen-seksyen 406, 407, 408 dan 409 pula memperuntukkan sebat sebagai hukuman tambahan bagi kesalahan pecah

amanah jenayah. Sebat sebagai hukuman tambahan juga terdapat dalam seksyen 420 bagi kesalahan menipu untuk mendapatkan harta dengan curang, seksyen 430 A bagi kesalahan khianat tehadap enjin kendaraan, landasan keretapi dan sebagainya, seksyen 453 bagi kesalahan pecah rumah , seksyen 456 bagi kesalahan pecah rumah pada waktu malam. Begitu juga dengan seksyen -seksyen 457, 458 dan 459 bagi kesalahan-lesalah yang berkenaan dengan pecah rumah.

Sebat sebagai hukuman alternatif antara beberapa hukuman yang disediakan pula terdapat dalam beberapa seksyen antaranya ialah seksyen 324 bagi kesalahan mencederakan dengan menggunakan senjata. Antara lain seksyen tersebut berbunyi : " hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tiga tahun , atau dengan denda, atau dengan sebat atau dengan mana-mana dua daripada seksaan-seksaan tersebut". Begitu juga dalam seksyen 354 bagi kesalahan menggunakan kekerasan jenayah dengan niat hendak mencabul kehormatan seseorang dan seksyen 356 bagi kesalahan menggunakan kekerasan jenayah untuk mencuri harta yang dibawa oleh seseorang, sebat disebut sebagai hukuman alternatif kepada beberapa hukuman yang dicadangkan dalam seksyen-seksyen tersebut iaitu penjara yang boleh sampai sepuluh tahun, denda dan sebat atau mana-mana dua daripada hukuman yang dicadangkan. Seksyen-seksyen lain yang menjadikan sebat sebagai hukuman alternatif ialah seksyen 384 dan seksyen 385 berkenaan dengan kesalahan pemerasan serta mendatangkan ketakutan bencana dengan tujuan hendak melakukan pemerasan. Berdasarkan pemerhatian yang dibuat terhadap seksyen-seksyen di atas, kajian mendapati kebanyakan seksyen yang ada dalam Kanun Keseksaan memperuntukkan sebat sebagai hukuman tambahan secara alternatif antara sebat dan denda. Misalnya dalam

seksyen 379 menyebut seksaan bagi kesalahan mencuri bagi kali yang ke dua dan kemudiannya . Seksaan tersebut berbunyi : " *bolehlah dikenakan penjara, dan bolehlah juga dikenakan denda atau sebat*". Di samping itu terdapat juga beberapa seksyen yang menjadikan sebat sebagai hukuman tambahan kepada penjara tanpa peruntukan denda sebagai alternatif. Seksyen-seksyen tersebut ialah seksyen 376, seksyen 377, seksyen 377C , seksyen 377E dan seksyen 395, seksyen 364, seksyen 396, seksyen 399 dan seksyen 400 iaitu bagi kesalahan-kesalahan rogol, seks luar tabi'i serta kesalahan rompak berkumpul, mencolek untuk membunuh, rompak berkumpul dan membunuh, membuat persiapan bagi rompak berkumpul serta menjadi ahli kumpulan perompak. Seksaan bagi seksyen 376 misalnya berbunyi : " *Barangsiapa melakukan rogol hendaklah disepra dengan penjara selama tempoh tidak kurang daripada lima tahun dan tidak lebih dari dua puluh tahun, dan bolehlah juga dikenakan sebat*"

2. Jadual 4: Akta Senjata 1960 [Akta 206] dan Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat) 1971 [Akta 37]

SEKSYEN	KESALAHAN	HUKUMAN
S33 [Akta 206]	Memiliki senjata atau amunisi bagi tujuan yang menyalahi undang-undang	Penjara selama tempoh tidak lebih daripada 7 tahun, atau denda tidak lebih daripada 10 ribu ringgit atau kedua-duanya dan boleh juga dikenakan sebat.
S4	Menunjukkan senjatapi ketika melakukan kesalahan berjadual atau rompakan	Penjara seumur hidup dan juga dihukum sebat tidak kurang dari 6 kali
S5	Memiliki senjatapi untuk melakukan kesalahan berjadual	Penjara seumur hidup dan juga dihukum sebat tidak kurang daripada 6 kali
S6	Menunjukkan senjata mainan ketika melakukan kesalahan berjadual	Penjara selama tempoh yang bolch sampai 10 tahun dan sebat tidak kurang daripada 3 kali
S7	Kesalahan memperdagangkan senjatapi	.Dihukum bunuh atau penjara seumur hidup dan sebat tidak kurang dari 6 kali.
S8	Memiliki senjatapi dengan salah	Penjara selama satu tempoh yang bolch sampai 14 tahun dan juga dihukum sebat tidak kurang dari 6 kali.
S9	Sengaja bersuhahat dengan orang yang memiliki senjatapi dengan salah	Penjara selama tempoh yang bolch sampai 14 tahun dan dihukum sebat tidak kurang dari 6 kali.

Akta 206 mengandungi satu seksyen sahaja yang menyentuh hukuman sebat iaitu seksyen 33 bagi kesalahan memiliki senjata atau amunisi untuk digunakan bagi tujuan yang menyalahi undang-undang. Di bawah seksyen ini hukuman sebat boleh dikenakan sebagai hukuman kumulatif bersama hukuman denda atau penjara sekiranya difikirkan perlu oleh hakim. Walau bagaimana pun kedudukannya bukanlah mandatori. Akta Senjatapi (Penalti Lebih berat) 1971 [Akta 37] Dalam akta ini terdapat beberapa seksyen yang memperuntukkan hukuman sebat iaitu kesalahan menunjukkan senjatapi ketika melakukan sesuatu kesalahan berjadual atau rompakan, memiliki senjatapi untuk melakukan kesalahan berjadual, menunjukkan senjata mainan untuk melakukan kesalahan berjadual , memperdagangkan senjatapi, memiliki senjatapi dengan salah, dan juga kesalahan dengan sengaja bersubahat dengan orang yang memiliki senjatapi dengan salah. Kajian mendapati seksyen-seksyen berkaitan dengan hukuman sebat dalam Akta 37 banyak menjadikan sebat sebagai hukuman tambahan kepada hukuman penjara. Di samping itu terdapat satu seksyen iaitu seksyen 7 menyebut kedudukan hukuman sebat sebagai mandatori bersama dengan penjara seumur hidup apabila hukuman mati tidak dijatuhkan. Kebanyakan seksyen juga menyebut had minimum hukuman sebat yang dikenakan ialah sebanyak 6 kali. Hanya seksyen 6 sahaja menjadikan had minimum ialah sebanyak 3 kali.

3. Jadual 5: Akta Dadah Merbahaya 1952 [Akta 234]

SEKSYEN	KESALAHAN	HUKUMAN
S6B(3)	Menanam beberapa jenis tumbuhan yang boleh menghasilkan dadah	Penjara seumur hidup dan disebat tidak kurang dari 6 sebutan.
S39A(1) (a-z)	: Membawa, mengimport atau mengeksport canda, heroin , morfin dan lain-lain (a-z) berjumlah 2 gm atau lebih tetapi kurang daripada 5 gm.	Penjara untuk suatu tempoh tidak kurang daripada 2 tahun tetapi tidak lebih daripada 5 tahun dan juga akan dikenakan hukuman sebat tidak kurang daripada 3 sebutan dan tidak lebih daripada 9 sebutan

"jadual 5, sambungan"

S39A (2) (a-z)	Membawa, mengimport atau mengeksport candu, heroin , morfin dan lain-lain (a-z) berjumlah 5 gm atau lebih	Apabila hukuman mati tidak dikenakan boleh dikenakan hukuman penjara seumur hidup atau bagi satu tempoh yang tidak kurang daripada 5 tahun dan juga sebat tidak lebih dari 10 kali.
----------------	---	---

Dalam seksyen 6B ceraian 3 pindaan A330, sebat diperuntukkan bagi kesalahan menanam beberapa beberapa jenis tumbuh-tumbuhan yang boleh menghasilkan dadah. Seksyen 39 A(1) ialah bagi kesalahan membawa,memiliki, mengimport atau mengeksport candu, heroin, morfin dan laian-laian yang telah tersenarai dalam ceraian a hingga z bagi jumlah 2 gm atau lebih tetapi kurang dari 5 gm. Manakala dalam seksyen 39 A(2) (Akta 234) pula bagi kesalahan memiliki, membawa, mengimport atau mengeksport candu , heroin, morfin dan lain-lain jenis dadah yang disenaraikan dalam ceraian a hingga z di mana jumlahnya ialah 5 gm atau lebih. Di bawah dua seksyen tersebut hukuman sebat dinyatakan sebagai hukuman kumulatif bagi hukuman penjara. Penggunaan perkataan "dan" menunjukkan hukuman yang dijatuhkan itu adalah bersama-sama dengan hukuman penjara. Dalam seksyen 6B(3) Akta ini menyebut had minimum ialah sebanyak enam sebatan tanpa menyebut had maksimum. Manakala seksyen 39A (1) pula menyatakan had minimum ialah tiga sebatan dan had maksimum ialah sembilan sebatan. Peruntukan sebatan lebih berat dalam eksyen 39 A (2) di mana had minima sebatan ialah tidak kurang daripada sepuluh. Dalam kes *Public Prosecutor Iwn Oon Lai Hin*.⁶⁷ Fakta kes menunjukkan bahawa pada 10 Julai 1984 responden telah mengaku bersalah atas pertuduhan membawa bersamanya 1104 gram Morphine dan boleh dikenakan hukuman di bawah seksyen 39B(2) Akta Dadah Merbahaya 1952. Dalam kes ini Hakim Seah telah menjatuhki hukuman penjara seumur hidup serta sebatan sebanyak 14 kali ke atas beliau .

⁶⁷ 1984 M.L.J LEXIS 556

Hukuman mati tidak dikenakan. Selepas hukuman dijatuhkan kemudiannya telah mengemukakan rayuan di Mahkamah Rayuan Persekutuan terhadap hukuman yang dianggap tidak memadai. Atas alasan bahawa responden terlibat dengan pengedaran Morphin dalam kuantiti yang amat banyak rayuan Pendakwa raya telah diluluskan di mana hukuman penjara seumur hidup serta 14 sebatan diketepikan kerana dianggap tidak memadai dengan keseriusan jenayah yang dilakukan. Hukuman diganti dengan hukuman mati.

4. Jadual 6: Akta Memperbaharui Undang-Undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1988[Akta 711]

SEKSYEN	KESALAHAN	HUKUMAN
S3 (2)	Kesalahan mengilang samsu gelap	Penjara selama satu tempoh tidak lebih daripada 10 tahun dan tidak kurang daripada 4 tahun dan sebat tidak kurang daripada 2 kali.
S3(3)	Jika samsu gelap yang diproses itu mengandungi apa-apa bahan merbahaya	Penjara tidak lebih daripada 20 tahun dan tidak kurang daripada 7 tahun dan sebat tidak kurang daripada 6 kali
S4 (2)	Kesalahan memperdagangkan samsu gelap	Pejara tidak lebih daripada 10 tahun dan tidak kurang daripada 4 tahun dan sebat tidak kurang daripada 2 kali
S4 (3)	Jika samsu gelap yang diperdagangkan itu mengandungi bahan yang merbahaya	Penjara tidak lebih daripada 20 tahun dan tidak kurang daripada 7 tahun dan sebat tidak kurang daripada 6 kali
S5 (2)	Kesalahan memiliki samsu gelap tanpa kebenaran mana-mana undang-undang bertulis	Penjara tidak melebihi 10 tahun dan tidak kurang daripada 4 tahun dan sebat tidak kurang daripada 2 kali
S5 (3)	Memiliki samsu gelap yang mengandungi apa-apa bahan berbahaya	Penjara tidak melebihi daripada 20 tahun dan tidak kurang daripada 7 tahun dan sebat tidak kurang daripada 6 kali.
S6 (1)	Kesalahan menyedia, mengguna atau membenarkan premis digunakan bagi tujuan mengilang samsu gelap	Penjara tidak lebih daripada 10 tahun dan tidak kurang daripada 4 tahun dan sebat tidak kurang daripada 2 kali.
S7	Memiliki atau mengilang samsu gelap	Penjara tidak lebih daripada 10 tahun dan tidak kurang daripada 4 tahun dan sebat tidak kurang daripada 2 kali.

Terdapat 5 seksyen dalam akta ini yang mengandungi hukuman sebat iaitu yang melibatkan kesalahan mengilang samsu gelap, memperdagangkan samsu gelap, memiliki samsu gelap, menyedia, mengguna atau membenarkan premis digunakan bagi tujuan mengilang samsu gelap dan kesalahan memiliki alat mengilang samsu gelap. Berdasarkan jadual di atas ia menunjukkan bahawa hukuman sebat yang diperuntukkan di bawah akta ini semuanya dalam bentuk hukuman tambahan

kepada hukuman penjara. Seksyen-sekyen yang terbabit juga didapati mengenakan had minimum yang berbeza. Misalnya seksyen 3(2) menyebut had minimum ialah sebanyak dua kali, seksyen 4 (3) dan seksyen 5 (3) menetapkan had minimum ialah sebanyak enam kali. Berdasarkan penggunaan perkataan “dan” di dalam peruntukan tersebut ia menunjukkan hukuman sebat merupakan hukuman kumulatif dengan hukuman penjara. Jadi ia tidaklah boleh dilihat sebagai alternatif atau tambahan semata-mata.

5. Jadual 7: Peruntukan Sebat dalam Akta Penculikan 1961 (Akta 365)

SEKSYEN	KESALAHAN	HUKUMAN
S3	Penculikan untuk wang tebusan	Dihukum mati atau penjara seumur hidup dengan sebatan
S5	Kesalahan menerima wang tebusan	Penjara yang tidak lebih daripada 10 tahun dan bolchiah juga dikenakan sebat
S6	Menawar atau menolong mendapatkan wang tebusan	Penjara yang tidak lebih daripada 10 tahun dan bolchiah juga dikenakan sebat

Terdapat tiga seksyen yang mengandungi peruntukan sebat dalam akta ini. Seksyen tersebut ialah seksyen 3 bagi kesalahan melakukan penculikan untuk wang tebusan, seksyen 5 bagi kesalahan menerima wang tebusan dan seksyen 6 bagi kesalahan menawar atau menolong mendapatkan wang tebusan. Seksyen 3 menunjukkan hukuman sebat diperuntukkan secara mandatori bersama hukuman penjara sekiranya hukuman mati tidak dijatuhkan. Manakala dalam dua seksyen yang berikutnya didapati hukuman sebat yang diperuntukkan tertakluk kepada budi bicara para hakim, di mana mereka boleh memilih samada mengenakan hukuman itu atau pun tidak. Bilangan sebatan yang hendak dijatuhkan juga tidak

dinyatakan had maksimum atau minimumnya. Oleh itu ia juga terletak kepada penilaian hakim berdasarkan keseriusan jenayah yang dilakukan.

6. Jadual 8 : Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155] dan Akta Pasport 1966 [Akta 150]

SEKSYEN	KESALAHAN	HUKUMAN
S55 A [1]	Membawa masuk orang asing ke Malaysia bersamaan dengan Akta	Denda tidak kurang daripada RM10,000 dan tidak lebih RM50,000 dan penjara tidak kurang daripada 2 tahun dan tidak lebih dari 5 tahun dan boleh juga dikenakan sebat tidak lebih dari 6 kali.
S 55A [3]	Kesalahan di bawah sub-seksyen 1 yang dilakukan oleh pertubuhan korporat.	Denda tidak kurang dari RM30,000 dan tidak lebih dari RM100,000 dan penjara untuk tempoh tidak kurang dari 2 tahun dan tidak lebih dari 10 tahun dan boleh juga dikenakan hukuman sebat tidak lebih dari 6 kali.
S 55 A[4]	Bertindak bersama-sama seorang atau pun lebih bagi kesalahan di bawah sub-seksyen 1	Denda tidak kurang daripada RM30,000 dan tidak lebih RM100,000 dan penjara tidak kurang daripada 2 tahun dan tidak lebih 10 tahun dan boleh juga dikenakan sebat tidak lebih dari 6 kali.
S55B [3]	Bagi kesalahan di bawah sub-seksyen 1, jika seseorang itu didapati menggaji lebih dari 5 orang pekerja tanpa permit kerja/ pass kerja yang sah.	Boleh di hukum penjara untuk tempoh tidak kurang dari 6 bulan dan tidak lebih daripada 3 tahun dan boleh juga dikenakan sebat tidak lebih dari 6 kali.
S 55D	Memalsukan atau mengubah dokumen-dokumen berkaitan dengan akta ini seperti Visa, Permit, Pass atau pun sijil.	Denda tidak kurang daripada RM30,000 dan tidak lebih RM100,000 dan penjara tidak kurang daripada 5 tahun tetapi tidak lebih dari 10 tahun dan boleh juga dikenakan sebat tidak lebih dari 6 kali.
S 56 [1] [bb]	Memberi perlindungan kepada orang-orang yang diketahui telah bertindak menyalahi akta ini kecuali S 55E.	Denda tidak kurang RM10,000 dan tidak lebih RM 50,000 bagi setiap orang yang dilindungi. Dan jika didapati melindungi 5 orang atau lebih boleh di penjara tidak kurang daripada 6 bulan tetapi tidak lebih 5 tahun dan boleh juga disebat tidak lebih dari 6 kali.
S 12 B [Akta 150]	Membuat passport palsu dan lain-lain.	Denda tidak kurang dari RM 15,000 dan tidak lebih RM100,000 dan penjara tidak kurang dari 2 tahun dan tidak tidak 10 tahun dan sebat tidak lebih dari 6 kali.

Hukuman sebat yang termaktub di bawah Akta 155 keseluruhannya telah meletakkan bilangan maksimum sebatan yang boleh dikenakan ialah sebanyak 6 kali sahaja. Kedudukannya juga tidak bersifat madatori. Berdasarkan frasa-frasa yang terdapat dalam seksyen terbabit jelas menunjukkan bahawa hukuman sebat boleh dikenakan sebagai tambahan kepada hukuman-hukuman yang lain sekiranya difikirkan perlu oleh hakim. Hukuman sebat yang terdapat dalam Akta 150 dilihat lebih penting kerana menjadikan hukuman sebat yang tidak lebih dari 6 kali sebagai hukuman kumulatif kepada denda dan penjara. Ini bererti mereka

yang bersalah di bawah seksyen tersebut boleh dikenakan denda, penjara dan sebat.

Perbincangan di atas menunjukkan bentuk-bentuk kesalahan jenayah berat yang terdapat dalam sebahagian besar daripada undang-undang jenayah di Malaysia. Ia tertakluk kepada pindaan dan perubahan undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen Malaysia dari semasa ke semasa. Kesimpulannya kajian mendapati bentuk-bentuk kesalahan yang terbabit dengan hukuman sebat dalam undang-undang jenayah di Malaysia kebanyakannya menyentuh mengenai kemaslahatan diri, harta benda, keselamatan akal, serta maruah bagi masyarakat dan negara. Contohnya ialah kesalahan mencederakan, samsu haram, dadah, senjata api, seks luar tabi'i dan lain-lain seperti mana yang telah dinyatakan sebelum ini yang mana banyak melibatkan jenayah indeks.⁶⁸ Hukuman sebat pula diperuntukkan dalam tiga keadaan iaitu madatori, kumulatif dan juga sebagai pilihan mengikut budi bicara hakim samada memilih menjatuhkan atau tidak. Manakala hukuman penjara pula merupakan hukuman utama selain daripada denda dan sebat. Satu perbezaan yang ketara ialah perbuatan zina dan minum arak tidak tidak disenaraikan sebagai satu kesalahan dalam mana-mana undang-undang jenayah sivil di Malaysia walaupun terdapat peruntukan dalam akta-akta lain mengenai kesalahan memandu dalam keadaan mabuk dan sebagainya. Kesalahan qadhad pula terdapat dalam Kanun Kesekaan tetapi ia tidak terlibat dengan peruntukan hukuman sebat. Ini menunjukkan perbezaan penilaian jenayah berat yang ketara antara undang-undang jenayah Islam dan undang-undang jenayah awam.

⁶⁸Takrif jenayah indeks mengikut Interpol ialah jenayah yang mana kekerapan berlakunya menunjukkan secara am keadaan kejadian jenayah di sesuatu kawasan atau tempat. Statistik turun naik kadar jenayah akan membolehkan perancangan tindakan untuk menanganiinya. Jenayah indeks terbahagi kepada dua kategori iaitu jenayah keganasan dan jenayah harta benda. Selain itu jenayah indeks juga merupakan jenayah yang boleh dicegah.

2.3 JADUAL 9: KESALAHAN-KESALAHAN YANG DIPERUNTUKKAN SEBAT DALAM AKTA/ENAKMEN NEGERI-NEGERI DI MALAYSIA

AKTA/ENAKMEN NEGERI-NEGERI															
BIL	KESALAHAN	KTN	TRG	PHG	JHR	MK	N.S	W.P	SEL	PRK	P.P	KDH	PLS	SBH	SWK
1	DOKTRIN PALSU	S.4	S.162	S.4					S.4	S.7(1)	S.4				
2	CEMARKAN TEMPAT IBADAT														
3	K'YATAAN LEPAS TJIAWAB	S.185										S.11			
4	MINUM ARAK	S.25	S.136												
5	MUKADDIMAH ZINA	S.12									S.26				
6	PERSETUBUHAN LUAR NIKAH	S.11	S.146 & 149	S.23					S.23	S.25	S.48	S.23		S.80	
7	PELACURAN	S.26, S.27	S.177	S.21				S.72	S.21	S.23		S.21			
8	SUMBANG / MAHRAM	S.24	S.147	S.20					S.20	S.22	S.45	S.20			
9	SEKS LUAR TABU	S.28					S.58		S.28					S.76	
10	MUNCIKARI	S.28		S.22					S.22	S.24		S.22			
11	LIWAT	S.14		S.25					S.25			S.25			
12	MUSAHAQAH	S.30		S.26					S.26			S.26			

2.3 KESALAHAN-KESALAHAN YANG BOLEH DIKENAKAN SEBAT MENURUT AKTA/ENAKMEN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH DI MALAYSIA

Jadual 8 menunjukkan jenis-jenis kesalahan yang diperuntukkan hukuman sebat dalam Akta/Enakmen jenayah syariah negeri-negeri di Malaysia. Ia menunjukkan bahawa terdapat 11 buah negeri di seluruh Malaysia telah menggunakan peruntukan hukuman sebat yang diberikan oleh Bidang kuasa Mahkamah Syariah (Pindaan Jenayah) 1984 [Akta 612]. Secara keseluruhannya terdapat sebanyak 12 kesalahan jenayah syariah yang disenaraikan mengandungi peruntukan hukuman sebat atau rotan. Kesalahan-kesalahan tersebut boleh dikategorikan kepada 7 kategori utama iaitu kesalahan berkaitan dengan akidah dan agama, minum arak, persetubuhan luar nikah, pelacuran, sumbang mahram, seks luar tabi'i samada dengan manusia atau haiwan dan muncikari. Kebanyakan Akta/Enakmen didapati banyak menumpukan kepada masalah moral sebagai jenayah yang boleh dihukum dengan hukuman sebat. Namun demikian bentuk kesalahan tersebut tidak selaras antara kebanyakan negeri. Jika dibandingkan antara negeri-negeri tersebut didapati terdapat 4 buah negeri yang membuat peruntukan kesalahan serta hukuman yang hampir-hampir sama. Negeri-negeri tersebut ialah Johor, Pulau Pinang, Selangor serta Wilayah Persekutuan. Dalam Enakmen Terengganu jenis-jenis kesalahan moral yang boleh dikenakan sebat tidak termasuk kesalahan-kesalahan yang dikategorikan sebagai kesalahan hudud seperti minum arak, zina serta qadhaf. Sedangkan di Kelantan lebih menumpukan kepada kesalahan zina, mukaddimah zina,minum arak dan juga qadhaf. Hukuman sebat bagi kesalahan minum arak pula hanya terdapat di Kelantan dan Pahang. Manakala di negeri-negeri lain kesalahan minum arak hanya boleh dikenakan denda atau penjara sahaja. Bilangan seksyen secara berbanding antara negeri-negeri pula

menunjukkan bahawa Selangor merupakan negeri yang paling banyak memperuntukkan hukuman sebat iaitu bagi 10 jenis kesalahan. Ia diikuti oleh Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan, Johor dan Terengganu, masing-masing memperuntukkan hukuman sebat sebanyak 7 seksyen. Ia diikuti dengan negeri Pahang sebanyak 5 seksyen, Kelantan sebanyak 4 seksyen, Perak sebanyak 3 seksyen, Sabah 2 seksyen serta Negeri Sembilan dan Melaka masing-masing hanya mengadungi 1 seksyen sahaja yang ada peruntukan hukuman sebat.

Di kebanyakan negeri yang terlibat didapati turut tidak selaras dari segi nombor seksyen dan jenis kesalahan . Contohnya di dalam Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan 1985 kesalahan liwat di letakkan di dalam seksyen 14 sedangkan di dalam Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan 1997 kesalahan tersebut diletakkan di dalam seksyen 25. Namun perbezaan dalam perkara sedemikian tidak memberi kesan atau masalah dari segi perlaksanaan undang-undang. Sebaliknya perbezaan yang didapati pada kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan hukuman sebat adalah membimbangkan kerana ia memberi implikasi dari segi perlaksanaan undang-undang serta aspek-aspek yang berkaitan dengan keadilan kepada masyarakat. Walau pun umum telah mengetahui bahawa perkara yang berkaitan dengan perundangan Islam di Malaysia adalah perkara negeri serta tertakluk kepada ketua negeri masing-masing namun penyelarasan amat perlu dibuat kerana semua negeri adalah berada di dalam negara Malaysia. Misalnya kesalahan menyebarkan doktrin palsu hanya terdapat di Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan, Johor dan Terengganu, Pahang dan Selangor. Kesalahan mukaddimah zina telah dimasukkan di bawah Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan sebagai satu kesalahan yang boleh dihukum dengan hukuman penjara

maksimum tidak melebihi dua tahun, denda maksimum tidak melebihi tiga ribu ringgit dan sebat tidak melebihi tiga kali. Di Selangor kesalahan ini boleh dihukum dengan denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau mana-mana kombinasi hukuman-hukuman tersebut. Ia menunjukkan hukuman yang diperuntukkan tidak sama dari segi had maksimanya. Selain itu di negeri-negeri lain yang tiada peruntukan hukuman sebat jelaslah hukumannya lebih ringan lagi. Bagi kesalahan hubungan jenis luar tabi'i terdapat peruntukannya di Melaka, Sabah, Selangor dan Pahang. Dalam Enakmen Sabah kesalahan ini termasuklah melakukan hubungan jenis dengan binatang manakala dalam Enakmen Selangor kesalahan tersebut termasuklah hubungan seks dengan kaum sejenis. Akta/Enakmen juga menggunakan istilah yang berlainan bagi kategori kesalahan yang sama Di Kelantan dan di Pahang menggunakan istilah "zina". Contohnya dalam Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan , seksyen 11 menyebut bahawa kesalahan zina adalah "*kesalahan zina yang tidak boleh dikenakan hadd maka apabila disabitkan dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau denda tidak melebihi 5,000 dan sebat sebanyak 6 kali*". Namun terdapat beberapa negeri yang lain seperti Pulau Pinang, Johor dan Wilayah Persekutuan menggunakan istilah "persetubuhan luar nikah" bagi kesalahan ini. Di Sabah dan Perak pula menggunakan perkataan "persetubuhan haram". Jika dilihat dari perspektif hukum fiqh sebagaimana yang dibahaskan oleh para fukaha, penggunaan istilah "persetubuhan haram" memberi satu maksud yang lain dari maksud persetubuhan luar nikah atau zina. Hukumannya juga bukanlah hukuman hadd zina. Sebaliknya istilah sedemikian akan digunakan bagi kesalahan-kesalahan takzir seperti persetubuhan suami isteri semasa haid ataupun di siang

hari dalam bulan Ramadan. Oleh itu kajian ini berpendapat penggunaan isitilah sebegini perlulah jelas dan jangan mengelirukan kerana ia melibatkan undang-undang, hukum dan hukuman ke atas seseorang. Kesalahan liwat pula diperuntukkan hukuman sebat di Kelantan, Pulau Pinang, Johor dan Wilayah Persekutuan. Terengganu merupakan satu-satunya negeri yang memperuntukkan hukuman sebat bagi kesalahan membuat persediaan untuk melacurkan diri dan membuat persediaan untuk melacurkan anak atau isteri. Manakala kesalahan melacurkan diri boleh dijatuhi hukuman sebat di Wilayah Persekutuan , Johor, Pulau Pinang dan Selangor. Kesalahan melacurkan anak atau isteri pula terdapat di negeri Perak, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Johor, Selangor, Wilayah Persekutuan dan Terengganu. Terdapat dua negeri sahaja yang memperuntukkan hukuman sebat bagi kesalahan minum minuman yang memabukkan iaitu Kelantan dan Pahang. Melakukan perbuatan sumbang dan sumbang mahram boleh di hukum sebat di Pahang, Perak, Pulau Pinang, Johor, Wilayah Persekutuan, Selangor dan Terengganu. Menjadi muncikari dan musahaqah adalah di antara kesalahan yang boleh disebat di Pulau Pinang, Johor, Wilayah Persekutuan, Terengganu dan Selangor.⁶⁹ Walau bagaimana pun kesalahan musahaqah tidak terdapat di negeri Selangor sebagai boleh dijatuhi hukuman sebat. Menggunakan perkataan untuk melepaskan tanggung jawab juga antara bentuk kesalahan yang boleh dihukum sebat . Namun peruntukkan ini hanya terdapat di negeri Pahang .

⁶⁹Muncikari bermaksud seseorang yang bertindak sebagai orang tengah antara seorang perempuan dengan seorang lelaki bagi apa-apa maksud yang menyalahi hukum syarak. Musahaqah ialah kesalahan melakukan hubungan seks sesama perempuan. Tafsiran ini adalah berdasarkan huraian dalam Bahagian 1, Seksyen 2 Akta Kesalahan Jenayah Syariah , Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997

2.3.1 Kedudukan Hukuman Sebat Syariah dalam Akta/Enakmen

Kajian ini telah mendapati kedudukan hukuman sebat dalam seksyen-sekyen terbabit juga tidak sekata antara negeri-negeri. Secara umum boleh disimpulkan bahawa peruntukan tersebut ada yang bersifat mandatori, kumulatif bersama hukuman penjara dan denda atau pun bersifat alternatif. Peruntukan yang terdapat di Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang, Johor dan Terengganu, Melaka, Sabah dan Perak adalah hampir sama. Contohnya ialah bagi kesalahan sumbang mahram. Seksyen 20 Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan 1997 memperuntukkan “*...hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam kali atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman tersebut.*” Berdasarkan kepada peruntukan ini dapat difahami bahawa hakim berhak untuk menjatuhkan mana-mana satu daripada hukuman tersebut dan boleh juga sekiranya perlu menjatuhkan hukuman secara kumulatif. Ini bermakna peruntukan tersebut tidak bersifat mandatori. Agak berlainan dengan peruntukan yang terdapat di Kelantan. Contohnya bagi kesalahan zina yang tidak boleh dikenakan hadd (S.11) “*...dan boleh apabila disabitkan, dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi 5,000 atau kedua-duanya dan disebat enam kali*”. Peruntukan ini turut membolehkan hakim menjatuh samada hukuman penjara dengan sebat atau denda dengan sebat. Berdasarkan penggunaan perkataan “*dan*” ia menunjukkan hukuman sebat adalah hukuman tetap bagi kesalahan ini yang boleh digandingkan dengan mana-mana satu hukuman yang lain.

2.3.2 Prinsip Hudud Dan Takzir Dalam Hukuman Sebat Syariah di Malaysia

Berdasarkan perbincangan terdahulu mengenai peruntukan hukuman sebat dalam hukum Islam dapat memberikan jawapan tentang kedudukan hukuman sebat di dalam Akta/Enakmen Jenayah Syariah di Malaysia pada hari ini. Paling jelas menunjukkan bahawa kesalahan dan hukuman tersebut bersifat takzir ialah Enakmen kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) negeri Terengganu 2001. Ini kerana ia jelas disebut pada nama Enakmen tersebut sebagai jenayah takzir. Bagi negeri-negeri yang lain kajian mendapati ianya juga turut merupakan hukuman bagi kesalahan takzir dan bukannya hudud walau pun kategori kesalahan tersebut jika dilihat dari sudut hukum Islam, adalah merupakan kesalahan hudud. Contohnya ialah penggunaan istilah-istilah seperti kesalahan zina, qadhaf, liwat serta minum minuman yang memabukkan (arak) dalam kebanyakan Akta/Enakmen di negeri-negeri. Paling ketara menunjukkan ianya dinilai sebagai takzir ialah kerana hukuman yang diperuntukkan tidak memenuhi bilangan sebatan yang diperuntukkan bagi kesalahan hudud itu sendiri. Kedudukannya sebagai kesalahan serta hukuman takzir diakui sendiri oleh Yang Amat Arif Ketua Hakim Syar'ie Wilayah Persekutuan dan juga Yang Amat Arif ketua Hakim Syar'ie negeri Kelantan.⁷⁰ Selain itu Abdul Monir Yaacob juga turut mengulas mengenainya dengan menyifatkan Enakmen Kanun Jenayah Syariah sebagai telah cuba memenuhi ciri-ciri takzir dengan merujuk kepada bilangan sebatan yang diperuntukkan iaitu maksimum enam kali sebagai menepati salah satu

⁷⁰ Hasil temubual bersama dengan Y.A.A Tuan Hj. Hussien bin Ahmad, Ketua Hakim Syar'ie Wilayah Persekutuan di pejabat beliau pada 10.11.2000 jam 11.00 pagi dan temubual bersama dengan YAA Dato' Hj Daud bin Muhammad, Ketua Hakim Syar'ie Kelantan pada 16.05.03 jam 9.30 pagi di JKSM Putra Jaya.

pandangan sebahagian fukaha mazhab Ḥanbalī bahawa hukuman sebatan bagi kesalahan takzir tidak harus melebihi sepuluh kali.⁷¹

2.4 BILANGAN SEBATAN MENURUT HUKUM ISLAM DAN UNDANG-UNDANG JENAYAH DI MALAYSIA

2.4.1 Bilangan Sebatan Menurut Hukum Islam

Bagi kesalahan zina, sebatan yang wajib dikenakan ialah sebanyak 100 kali sebat bagi pesalah yang merdeka. Sebatan sebanyak 50 kali pula adalah bagi pesalah hamba. Bilangan ini telah dijelaskan oleh Allah dalam surah al-Nūr sebagaimana yang telah dinyatakan dalam bab yang pertama. Sebatan sebanyak 50 bagi hamba pula berdasarkan keterangan ayat al-Quran yang menyebut bahawa seksaan terhadap mereka adalah separuh orang yang merdeka. Ketetapan ini dinyatakan dengan jelas dalam surah al-Nisā' 25 : 4 yang bererti " maka bagi wanita-wanita hamba seksaan bagi mereka adalah separuh daripada seksaan yang dikenakan kepada wanita-wanita merdeka ". Ketetapan bilangan sebatan bagi penzina bukan muḥṣan ini adalah ditetapkan melalui al-Quran dan Sunnah nabi. Dengan itu pelaksanaannya tidak boleh ditambah atau dikurangkan.⁷²

2.4.2 Bilangan Sebatan dalam Undang-Undang Jenayah Sivil di Malaysia

Undang-undang jenayah sivil di Malaysia telah menetapkan jumlah hukuman sebat yang dijatuhkan tidak boleh melebihi bilangan sebatan yang dibenarkan oleh undang-undang iaitu maksimum 24 kali bagi orang dewasa dan maksimum 10 kali

⁷¹ Abdul Monir Yaacob (2001), *op.cit*, hal 42

⁷² Perbincangan mengenai peruntukan bilangan sebat dari perspektif hukum telah dibuat dalam bab 1. Lihat Supra, bab 1, hal. 12-21 dan hal 21-26.

bagi pesalah bawah umur. Pesalah dewasa ialah mereka yang berumur 16 tahun ke atas. Manakala pesalah bawah umur ialah mereka yang berumur antara 10 hingga 16 tahun.⁷³ Peraturan ini telah ditetapkan dalam Kanun Prosedur Jenayah di mana seksyen 288 [5] Kanun tersebut memperuntukkan :

"Apabila seseorang telah disabitkan kesalahan di dalam sesuatu pembicaraan bagi dua atau lebih kesalahan yang berlainan di mana dua atau lebih kesalahan itu boleh di sisi undang-undang dihukum sebat, jumlah sebatan yang dikenakan oleh mahkamah bagi mana-mana kesalahan itu, sungguhpun berlainan dengan peruntukan undang-undang tidak boleh lebih daripada dua puluh empat sebatan bagi orang dewasa dan sepuluh kali bagi pesalah muda"

Seksyen tersebut menunjukkan bahawa walaupun seseorang penjenayah itu telah dibicarakan terhadap lebih daripada satu kesalahan yang boleh dikenakan hukuman sebat, namun jumlah sebatan yang harus dikenakan ke atasnya hendaklah tidak melebihi dua puluh empat kali bagi semua kesalahan tersebut. Jelaslah di sini bahawa bilangan maksimum sebatan terhadap penjenayah bagi sesuatu hukuman yang dijatuhkan keatas seseorang pesalah pada satu masa ialah sebanyak dua puluh empat sahaja bagi pesalah dewasa . Sepuluh sebatan merupakan bilangan maksima bagi pesalah muda terhadap sesuatu hukuman pada satu masa . Oleh itu apabila seksyen-seksyen terbabit tidak menyebut had maksimum maka menjadi hak budi bicara hakim menjatuh hukuman sebat dalam jumlah yang dibenarkan oleh seksyen 288 Kanun Prosedur jenayah tadi. Dalam kes *Public Prosecutor lwn Roslan bin Imun*.⁷⁴ Pendakwa raya telah memohon supaya satu semakan dibuat terhadap hukuman yang dijatuhkan ke atas tertuduh di bawah seksyen 326 Kanun Keseksaan kerana melakukan kesalahan mencederakan di mana beliau didapati bersalah dan kenakan hukuman penjara

⁷³ Mimi Kamariah Majid (1995), *Criminal Procedure In Malaysia*, second edition. Kuala Lumpur : University of Malaya Press, hal-306

⁷⁴ [1999] *M.L.J LEXIS* 713

selama 20 tahun tetapi tidak di jatuhkan hukuman sebat. Rayuan yang didengar di mahkamah Tinggi Johor Bharu itu akhirnya telah mengesahkan hukuman penjara selama 20 tahun serta memerintahkan dikenakan sebat sebanyak 20 kali . Antara asas penghakiman ialah wujudnya kekejaman fizikal yang nyata serta sangat dahsyat terhadap mangsa apabila tertuduh dengan sengaja telah menolak secara kuat sebatang kayu berukuran 60 sm ke dalam dubur seorang budak lelaki berusia 12 tahun yang masih bersekolah. Unsur keganasan amat ketara apabila didapati kayu itu telah mnusuk ke permukaan dadanya sehingga menyebabkan pundi kencingnya bocor, usus pecah serta lain-lain kecederaan. Oleh kerana ianya amat serius maka faktor-faktor mitigasi yang dikemukakan tidak dapat dipertimbangkan lagi.

Ketetapan bilangan sebat yang boleh dikenakan bagi sesuatu kesalahan tidak sama antara satu statut dengan satu statut yang lain. Ada statut yang tidak menyebut secara tertentu bilangan sebatan yang boleh dikenakan dan ada juga yang menetapkan bilangan maksima serta minimanya. Di dalam Kanun Keseksaan, bilangan sebatan tidak ditetapkan bagi kesalahan-kesalahan yang boleh dihukum dengan hukuman sebat . Semua seksyen-seksyen yang telah disebutkan di dalam jadual 3 hanya memperuntukkan boleh dihukum dengan sebat, tetapi tidak menyebut berapa sebatan yang boleh dikenakan. Ini bertujuan untuk memberi peluang kepada hakim yang mengendalikan perbicaraan tersebut menggunakan budi bicaranya menentukan bilangan sebatan yang sesuai dengan kesalahan-kesalahan tertentu.⁷⁵ Di dalam Akta Senjatapi (hukuman lebih berat) 1971 [Akta 37] pula, terdapat seksyen-seksyen tertentu yang menetapkan bilangan sebatan :

⁷⁵ Hashim Mehat(Dr.), *op.cit*, hal.342

yang boleh dikenakan. Contohnya seksyen 4 akta tersebut menyebut hukumnya sebagai ... " *penjara seumur hidup dan juga dihukum sebat tidak kurang daripada enam kali*". Peruntukan ini menunjukkan bahawa bagi kesalahan tersebut seseorang itu boleh dihukum dengan hukuman penjara serta sebatan paling minima sebanyak 6 kali. Sekiranya mahkamah mendapati tahap keseriusan jenayah tersebut lebih tinggi serta kesannya lebih buruk, bilangan sebatan itu boleh ditambah lagi. Seksyen 6 pula menyebut hukuman bagi kesalahan menunjukkan senjatai tiruan dalam melakukan satu kesalahan berjadual sebagai "... *Dihukum penjara selama tempoh yang boleh sampai sepuluh tahun dan juga dihukum sebat tidak kurang daripada tiga kali...*". Hukuman sebat yang ditetapkan dalam Akta 37, meletakkan kadar minima sebat sebanyak tiga sebatan . Akta tersebut bagaimana pun tidak pernah menyebut had maksima yang boleh dikenakan. Seksyen 7 Akta 37 mengenakan hukuman sebat tidak kurang daripada enam sebatan sebagai hukuman tambahan kepada penjara seumur hidup sekiranya hukuman mati tidak dikenakan bagi kesalahan memperdagangkan senjatai. Seksyen 8 akta yang sama juga menyebut sebatan sebanyak tidak kurang daripada enam kali sebagai hukuman tambahan kepada hukuman penjara yang boleh sampai empat belas tahun bagi kesalahan memiliki senjatai dengan salah. Seterusnya seksyen 9 memperuntukkan sebat sebanyak tidak kurang daripada enam kali sebagai hukuman tambahan kepada hukuman penjara yang boleh samapai 14 tahun bagi kesalahan bersubhat dengan orang yang memiliki senjatai dengan salah.

Kesimpulannya bilangan sebatan yang diperuntukkan dalam undang-undang jenayah civil kebanyakannya bersifat anjal di mana ia memberi ruang kepada

mahkamah dalam menentukan berapakah bilangan yang paling sesuai dikenakan dan juga samada peruntukan sebat itu perlu dipakai atau tidak dalam sesuatu kes. Ini berdasarkan terdapatnya seksyen-seksyen di bawah akta-akta tertentu hanya menyebut bilangan minima tetapi tidak menyebut bilangan maksima. Contohnya ialah seksyen 6[b] Akta 234. Manakala dalam sesetengah seksyen pula menyebut had minima dan maksima bilangan sebatan yang boleh dikenakan. Contohnya ialah seksyen 39A[1] Akta 234. Di dalam Kanun Keseksaan pula didapati terdapat beberapa seksyen yang hanya menyebut “boleh dikenakan sebat” tanpa menyebut had maksima atau minima. Contohnya ialah seksyen 377 [b] dan [c], seksyen 379, seksyen 380 dan lain-lain. Selain itu tidak ada satu seksyen pun yang memberikan satu jumlah sebatan yang tetap untuk dikenakan.

2.4.3 Bilangan Sebatan Menurut Undang-Undang Jenayah Syariah

- 1. Jadual 10 : Akta 559,Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Johor, No.4/1997 dan Pulau Pinang, No.3/1996**

KESALAHAN	HUKUMAN
Doktrin Palsu (S.4)	Denda tidak melebihi RM 5,000 atau penjara tidak lebih 3 tahun atau sebat tidak lebih 6 kali atau mana-mana kombinasi hukuman itu.
Persetubuhan luar nikah (S.23)	Denda tidak melebihi RM 5,000 atau penjara tidak lebih 3 tahun atau sebat tidak lebih 6 kali atau mana-mana kombinasi hukuman itu.
Pelacuran (S.21) [1] dan [2]	Denda tidak melebihi RM 5,000 atau penjara tidak lebih 3 tahun atau sebat tidak lebih 6 kali atau mana-mana kombinasi hukuman itu.
Sumbang Mahram (S.20)	Denda tidak melebihi RM 5,000 atau penjara tidak lebih 3 tahun atau sebat tidak lebih 6 kali atau mana-mana kombinasi hukuman itu.
Muncikari (S.22)	Denda tidak melebihi RM 5,000 atau penjara tidak lebih 3 tahun atau sebat tidak lebih 6 kali atau mana-mana kombinasi hukuman itu.
Liwat (S.25)	Denda tidak melebihi RM 5,000 atau penjara tidak lebih 3 tahun atau sebat tidak lebih 6 kali atau mana-mana kombinasi hukuman itu.
Musahaqah (s. 26)	Denda tidak melebihi RM 5,000 atau penjara tidak lebih 3 tahun atau sebat tidak lebih 6 kali atau mana-mana kombinasi hukuman itu.

2. Jadual 11 : Enakmen Jenayah Syariah Selangor No.9 Tahun 1995

KESALAHAN	HUKUMAN
Doktrin Palsu (S. 7)[1]	Denda tidak melebihi RM5,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau disebat tidak lebih 6 kali atau dengan mana-mana kombinasi hukuman tersebut.
Mencemarkan Tempat Ibadat (S.11)	Denda tidak melebihi RM5,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau disebat tidak lebih 6 kali atau dengan mana-mana kombinasi hukuman tersebut.
Sumbang Mahram (S. 22)	Denda tidak melebihi RM5,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau disebat tidak lebih 6 kali atau dengan mana-mana kombinasi hukuman tersebut.
Melacurkan diri (S. 23[1], Isteri / Anak (S.23)[2]a & b	Denda tidak melebihi RM5,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau disebat tidak lebih 6 kali atau dengan mana-mana kombinasi hukuman tersebut.
Persetubuhan Luar Nikah (S.25) [1] &[2]	Denda tidak melebihi RM5,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau disebat tidak lebih 6 kali atau dengan mana-mana kombinasi hukuman tersebut.
Persediaan melakukan Persetubuhan Luar Nikah (s. 26)	Denda tidak melebihi RM5,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau disebat tidak lebih 6 kali atau dengan mana-mana kombinasi hukuman tersebut.
Hubungan seks Luar Tabi'i (S. 28)	Denda tidak melebihi RM5,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau disebat tidak lebih 6 kali atau dengan mana-mana kombinasi hukuman tersebut.

3. Jadual 12: Enakmen Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu Bil.7 Tahun 2001

KESALAHAN	HUKUMAN
Doktrin Palsu (S.4)	Denda tidak lebih RM 5,000 atau penjara tidak lebih 3 tahun atau disebat tidak lebih enam kali atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman tersebut.
Sumbang Mahram (S.24)	Denda tidak lebih RM 5,000 atau penjara tidak lebih 3 tahun atau disebat tidak lebih enam kali atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman tersebut.
Persediaan Melacurkan diri (S.25)	Denda tidak lebih RM 5,000 atau penjara tidak lebih 3 tahun atau disebat tidak lebih enam kali atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman tersebut.
Persediaan Melacurkan anak/isteri (S.26)	Denda tidak lebih RM 5,000 atau penjara tidak lebih 3 tahun atau disebat tidak lebih enam kali atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman tersebut.
Melacurkan isteri/anak (S. 27)[1] dan [2]	Denda tidak lebih RM 5,000 atau penjara tidak lebih 3 tahun atau disebat tidak lebih enam kali atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman tersebut.
Muncikari (S. 28)	Denda tidak lebih RM 5,000 atau penjara tidak lebih 3 tahun atau disebat tidak lebih enam kali atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman tersebut.
Musahaqah (S.30)	Denda tidak lebih RM 5,000 atau penjara tidak lebih 3 tahun atau disebat tidak lebih enam kali atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman tersebut.

4. Jadual 13: Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan No.2 Tahun 1985

KESALAHAN	HUKUMAN
Zina yang tidak boleh dikenakan had. (S. 11)	Penjara tidak melebihi 3 tahun atau denda tidak melebihi RM 5,000 atau kedua-duanya dan sebat 6 kali.
Mukaddimah Zina (S. 12)	Denda tidak melebihi RM3,000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun dan disebat tidak melebihi 3 kali.
Liwat (S.14)	Denda tidak melebihi RM5,0000 atau penjara tidak lebih 2 tahun dan disebat enam kali
Minum Arak (S. 25)	Denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya dan disebat enam kali.

5. Jadual 14: Enakmen Jenayah Syariah Melaka No. 6 Tahun 1991

KESALAHAN	HUKUMAN
Seks luar Tabi'i (S.58)	Di kenakan takzir dengan denda tidak melebihi RM 5,000 atau penjara tidak melebihi 36 bulan atau rotan tidak melebihi 6 kali atau mana-mana gabungan daripada hukuman tersebut.

6. Jadual 15: Enakmen Jenayah syariah Negeri Sembilan No.4 Tahun 1992

KESALAHAN	HUKUMAN
Melacurkan iseri atau pun anak (S.72) [1]&[2]	Denda tidak melebihi RM 5,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali dan bolehlah juga dikenakan sebat tidak melebihi 6 kali.

**7. Jadual 16: Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu
Pahang 1982 . No. 8 (Pindaan 1987)**

KESALAHAN	HUKUMAN
Minum minuman minuman memabukkan (S.136)	Denda tidak lebih RM 5,000 atau penjara tidak lebih 3 tahun atau kedua-duanya sekali dan sebat sebanyak 6 kali
Sumbang Mahram (S. 147)	Bagi lelaki denda tidak lebih RM 5,000 atau penjara tidak lebih 3 tahun atau kedua-duanya sekali dan sebat sebanyak 6 kali. Bagi perempuan denda RM 2,000 atau penjara setahun atau kedua-duanya sekali
Zina (S.146)	Denda RM 5,000 atau 3 tahun penjara atau kedua-duanya sekali dan sebat 6 kali
Zina dengan bukan Islam (S.149)	Denda RM 5,000 atau 3 tahun penjara atau kedua-duanya sekali dan sebat 6 kali
Dokrin/ajaran salah (S.162)	Denda sebanyak RM 5,000 atau penjara 2 tahun atau kedua-duanya sekali atau 3 kali sebat atau ketiga-tiganya sekali.
Memaksa, bersubahat dengan anak/isteri melacur (S. 177)	Denda RM 4,000 atau penjara 2 tahun atau kedua-duanya sekali dan 6 kali sebat.
Mengeluarkan kenyataan untuk melepaskan tanggungjawab (S.185)	Denda RM 5,000 atau penjara 3 tahun atau kedua-duanya sekali dan sebat 6 kali.
Seks Luar Tabi'i (S.28)	Denda tidak lebih RM 5,000 atau penjara tidak lebih 3 tahun atau disebat tidak melebihi 6 sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman tersebut.

8. Jadual 17 : Enakmen Jenayah Syariah Negeri Perak Bil.3 Tahun 1992

KESALAHAN	HUKUMAN
Sumbang Mahram Dengan Orang Muabbad (S.45) [1]	Denda tidak melebihi RM 5,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali dan bolehlah juga dikenakan sebat tidak melebihi 6 kali.
Sumbang Mahram Dengan Orang Ghair Muabbad (S.45) [2]	Denda tidak melebihi RM3,000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali dan bolehlah juga dikenakan sebat tidak lebih dari 3 kali.
Persetubuhan Luar Nikah (S.48) [1]&[2]	Denda tidak melebihi RM 5,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali dan bolehlah juga dikenakan sebat tidak melebihi 6 kali.

9. Jadual 18: Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Sabah No. 3 Tahun 1995

KESALAHAN	HUKUMAN
Melakukan hubungan seks Luar tabi'i (S. 76)	Takzir dengan denda tidak melebihi RM 5,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau dorotan tidak melebihi 6 rotan atau mana-mana gabungan dari hukuman tersebut.
Persetubuhan Luar Nikah (S.80)	Denda tidak melebihi RM 5,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau dirotan tidak melebihi 6 rotan atau mana-mana gabungan dari hukuman tersebut.

Akta 612 memberikan had maksimum bilangan sebatan yang boleh dijatuhkan di Mahkamah Syariah ialah sebanyak enam kali sahaja. Bagi melihat bilangan sebatan yang terdapat dalam Akta/Enakmen negeri-negeri di Malaysia, perbincangan akan dibuat berdasarkan jadual yang dibuat mengikut negeri. Jadual 9 hingga 17 menunjukkan jenis kesalahan serta bilangan sebatan yang diperuntukkan bagi setiap kesalahan. Jadual 9, 10 dan 11 menunjukkan bilangan sebatan yang diperuntukkan di bawah Akta/Enakmen Wilayah-Wilayah Persekutuan, Johor dan Pulau Pinang, Selangor dan Terengganu. Ia menunjukkan bahawa bilangan sebatan yang boleh dikenakan di negeri-negeri tersebut adalah sama bagi semua jenis kesalahan yang ditetapkan iaitu bilangan maksimum sebanyak enam kali. Akta/Enakmen tersebut tidak menetapkan had minimum bilangan sebat yang boleh dikenakan.

Jadual 12 menjelaskan bilangan hukuman sebat yang boleh dikenakan di bawah Enakmen Jenayah Syariah Kelantan. Ia menunjukkan terdapat sebanyak tiga seksyen yang telah memperuntukkan bilangan sebat maksimum sebanyak 6 kali iaitu seksyen 11 bagi kesalahan zina, seksyen 25 bagi kesalahan minum arak dan seksyen 14 bagi kesalahan liwat. Manakala terdapat hanya satu seksyen sahaja iaitu seksyen 12 bagi kesalahan mukaddimah zina yang menghadkan bilangan maksimum yang boleh dikenakan kepada 3 kali. Selain itu bilangan sebat maksimum 3 kali juga dapat dilihat dalam jadual 15 iaitu seksyen 162 Enakmen Perak bagi kesalahan sumbang mahram dengan orang yang mana hubungan mereka bersifat haram sementara. Selain daripada itu semua seksyen yang disenaraikan dalam jadual 12 hingga 17 menunjukkan bilangan

sebatan yang sama telah diperuntukkan iaitu had maksimum enam kali. Kesimpulannya peruntukkan bilangan sebatan yang terdapat dalam Akta/Enakmen ialah maksimum enam kali, kecuali tiga buah negeri sahaja iaitu Kelantan, Perak dan Sabah di mana dalam Enakmen masing-masing terdapat satu seksyen yang menetapkan bilangan maksimum sebatan yang boleh dikenakan sebanyak tiga kali sahaja. Dalam keseluruhan Akta/Enakmen tidak terdapat satu seksyen pun yang menetapkan had minimum sebatan yang boleh dikenakan.